



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

---

## NEGERI SEMBILAN SIRI 1





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

---

## NEGERI SEMBILAN SIRI 1

Jabatan Audit Negara Malaysia





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xii	<b>INTISARI LAPORAN</b>
	<b>BAHAGIAN I</b>
	<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN</b>
	<b>PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>
	<b>JABATAN KERJA RAYA</b>
	<b>JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN</b>
	<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH</b>
	<b>MAJLIS DAERAH JEMPOL</b>
3	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	<b>PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN</b>
	<b>UNIT PERUMAHAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI</b>
16	Pengurusan Perumahan Kuota Bumiputera
	<b>MAJLIS DAERAH KUALA PILAH</b>
	<b>MAJLIS DAERAH JELEBU</b>
31	Pengurusan Perolehan
	<b>BAHAGIAN II</b>
	<b>PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>
47	Pendahuluan
47	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agenzi Negeri
49	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
51	Objektif Pengauditan
51	Skop Dan Metodologi Pengauditan
51	Kawalan Utama
62	Penemuan Audit
67	Pemeriksaan Audit Mengejut
69	Syor Audit
73	<b>PENUTUP</b>





---

# KATA PENDAHULUAN

---




---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 5 Jabatan dan 3 Agensi Kerajaan Negeri. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 11 Jabatan/Agensi dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 10 Jabatan/Pejabat/Agensi.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
18 Mac 2016



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. JABATAN KERJA RAYA

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH  
MAJLIS DAERAH JEMPOL  
- Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri

**1.1.** Jalan Negeri bermaksud mana-mana jalan awam, selain daripada jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan Jalan Negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetung yang menjadi sebahagian dari jalan tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Berdasarkan kepada rekod *Malaysian Road Records Information System* (Sistem MARRIS), panjang rangkaian jalan Negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2015 adalah 10,409.61 km yang melibatkan sebanyak 16,890 batang jalan. Jalan Negeri disenggarakan oleh Jabatan/Agensi pelaksana di peringkat Negeri iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

**1.2.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2015 ini mendapati secara keseluruhannya program penyenggaraan jalan negeri di Negeri Sembilan adalah baik dari segi perbelanjaan Akaun Amanah yang meningkat setiap tahun melebihi 85% daripada jumlah peruntukan tahunan yang diterima. Kualiti kerja penyenggaraan khususnya bagi kerja-kerja yang dibuat pada tahun 2015 juga adalah baik. Bagaimanapun, beberapa kelemahan yang ditemui seperti dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Rancangan penyenggaraan hendaklah merangkumi semua jalan didaftarkan.
- Pemantauan perlu dibuat bagi kerja yang dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan utiliti.
- Maklumat jalan dalam Sistem MARRIS tidak tepat.
- Perakuan terhadap permohonan pendaftaran jalan dalam Sistem MARRIS tanpa dokumen sokongan.

**1.3.** Bagi meningkatkan dan menambah baik prestasi pengurusan penyenggaraan jalan negeri adalah disyorkan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Majlis Daerah Jempol dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah mengambil tindakan seperti berikut:

**1.3.1.** Menyediakan perancangan bagi semua kategori penyenggaraan jalan negeri di bawah seliaan Jabatan/Agensi Pelaksana.

**1.3.2.** Menambah baik sistem pemantauan penyenggaraan jalan negeri bagi penyedia perkhidmatan utiliti di bawah seliaan Jabatan/Agensi Pelaksana.

**1.3.3.** Memastikan data di dalam sistem MARRIS dikemas kini. Setiap proses perakuan pendaftaran jalan baru dikunci masuk berdasarkan dokumen sokongan dan difaillkan dengan teratur.

**2. PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
UNIT PERUMAHAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**  
- **Pengurusan Perumahan Kuota Bumiputera**

**2.1.** Sebagai usaha agar pemilikan harta tanah dan mewujudkan komposisi kaum yang seimbang dalam suatu kawasan perumahan, berkuat kuasa pada 5 Jun 2015 Kerajaan Negeri Sembilan telah menetapkan kuota sebanyak 50% daripada keseluruhan pembangunan perumahan sebagai pemilikan kuota bumiputera. Daripada jumlah tersebut, 30% adalah diperuntukkan sebagai kuota bumiputera manakala 20% ditetapkan sebagai Lot Bumiputera Terbuka atau *Bumiputera Open Lot* (BOL). Penetapan kuota Bumiputera sebelum itu adalah sebanyak 30% daripada keseluruhan pembangunan dan tiada kuota BOL dikenakan. Tiada tafsiran khusus terhadap istilah Bumiputera disediakan oleh PTGNS dan secara umumnya pemaju menjual kuota Bumiputera kepada pembeli Melayu dan Orang Asli. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS), Unit Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (UPSUK) dan Pejabat-pejabat Tanah Daerah telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri dalam pengurusan kuota Bumiputera di Negeri Sembilan.

**2.2.** Bagi lot kuota Bumiputera yang tidak terjual, pemaju dibenarkan untuk memohon pelepasan setelah memenuhi syarat yang telah ditetapkan dengan mengemukakan permohonan ke UPSUK sebelum diluluskan MMKN untuk dilepaskan jualan kepada bukan Bumiputera. Mulai bulan Jun 2014, pemaju dikehendaki membayar kepada Kerajaan Negeri jumlah perbezaan antara Harga Pelancaran Bumiputera dan harga semasa yang dinilai oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta bagi setiap lot kuota Bumiputera yang dilepaskan. Bagi tujuan ini, UPSUK telah mewujudkan Akaun Amanah Kuota Bumiputera untuk mengakaunkan terimaan bayaran daripada pemaju bagi pelepasan lot-lot Bumiputera. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 71 pendaftaran projek baru telah diterima di Negeri Sembilan melibatkan 60 pemaju. Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 191

permohonan pelepasan kuota Bumiputera telah diterima dan 86 daripadanya telah diluluskan untuk jualan kepada bukan Bumiputera.

**2.3.** Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan September hingga November 2015 mendapati pengurusan perumahan kuota Bumiputera dari segi penetapan lot Kuota Bumiputera dan proses pelepasan kuota Bumiputera adalah baik tetapi dari aspek pelaksanaan lainnya adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi keseluruhan pemilikan kuota Bumiputera di Negeri Sembilan tidak dapat disahkan.
- Iklan jualan kuota Bumiputera di akhbar tidak lengkap.
- Kelewatan penerimaan bayaran sumbangan pelepasan kuota Bumiputera.
- Tiada mekanisme pemantauan jualan kuota Bumiputera.
- Hak milik kuota Bumiputera tidak dimasukkan sekatan kepentingan.
- Penerimaan dan perbelanjaan Akaun Amanah Kuota Bumiputera tidak mematuhi kehendak Arahan Amanah.

**2.4.** Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan perumahan kuota Bumiputera, adalah disyorkan supaya Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) dan Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (UPSUK) mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

**2.4.1.** PTGNS selaku urus setia pengurusan perumahan kuota Bumiputera perlu menyediakan rekod bagi memantau pemilikan kuota Bumiputera. Selain itu, pemaju juga hendaklah disyaratkan untuk mengemukakan laporan jualan secara berkala bagi mengemas kini status lot Bumiputera yang telah diluluskan bagi setiap projek.

**2.4.2.** UPSUK perlu menetapkan kriteria/syarat kepada pemaju agar mengiklankan jualan bagi lot kuota Bumiputera dengan lengkap sebelum kelulusan pelepasan kuota Bumiputera diberi serta memastikan pemaju membayar sumbangan dalam tempoh yang ditetapkan.

**2.4.3.** PTGNS perlu memastikan setiap dokumen hak milik kuota Bumiputera dimasukkan sekatan kepentingan bagi mengekalkan pemilikan setiap lot kuota Bumiputera.

### **3. MAJLIS DAERAH KUALA PILAH**

#### **MAJLIS DAERAH JELEBU**

##### **- Pengurusan Perolehan**

**3.1.** Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) dan Majlis Daerah Jelebu (MDJ) adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara matlamat utama PBT ini adalah menyedia dan menyenggarakan kemudahan dan infrastruktur awam serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat. Bagi mencapai objektif ini, MDKP dan MDJ antaranya perlu melaksanakan perolehan meliputi bekalan, perkhidmatan dan kerja mengikut kaedah perolehan secara pembelian terus, sebut harga, atau tender dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis. Peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah disalurkan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Tatacara Perolehan PBT adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa.

**3.2.** Pada tahun 2013 hingga 2015, MDKP dan MDJ telah melaksanakan perolehan kerja dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM29.04 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 271 perolehan kerja dan perkhidmatan yang berjumlah RM23.86 juta dilaksanakan melalui kaedah sebut harga, manakala sebanyak 1,904 perolehan bekalan dan perkhidmatan berjumlah RM5.18 juta dilaksanakan melalui kaedah pembelian terus serta tiada perolehan melalui kaedah tender.

**3.3.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati pada keseluruhannya pengurusan perolehan di kedua-dua Majlis adalah baik di mana 91.5% perolehan di MDKP dan 86.9% perolehan di MDJ telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan seperti telah membuat kajian pasaran dalam perolehan, Jawatankuasa Sebut Harga diwujudkan dan perolehan dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. Selain itu, 100% pelaksanaan projek yang disemak bagi tempoh 2013 hingga 2015 berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti:

- Bil lewat dibayar dan perolehan pembelian terus melebihi had ditetapkan.
- Perolehan 2 unit tandas serta 6 kios bagi peralatan dan kelengkapan penjaja bergerak untuk Program Pembasmian Kemiskinan Bandar tidak digunakan.
- Perolehan projek di taman permainan, laluan pejalan kaki dan kerja yang telah siap dilaksanakan tidak disenggarakan.

**3.4.** Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) dan Majlis Daerah Jelebu (MDJ) mengambil tindakan seperti berikut:

**3.4.1.** Memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan berkaitan perolehan yang berkuat kuasa.

**3.4.2.** Memastikan perolehan yang dibuat telah digunakan dan dimanfaatkan oleh golongan sasar supaya tidak berlaku pembaziran. Pada masa yang sama aset-aset tersebut juga perlu disenggarakan dari semasa ke semasa supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

## **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

4. Pada tahun 2015, pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti telah dijalankan di 11 Jabatan/Agensi Negeri yang terdiri daripada 8 Jabatan Negeri dan 3 Agensi Negeri. Daripada 11 Jabatan/Agensi Negeri diaudit, 8 Jabatan/Agensi Negeri mencatat tahap cemerlang. Manakala 3 Jabatan/Agensi Negeri lagi mencatat tahap baik. 8 Jabatan/Agensi Negeri yang mencapai tahap cemerlang dalam pengurusan kewangan ialah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Jabatan Kehakiman Syariah, Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Daerah Rembau, Majlis Perbandaran Port Dickson, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.





---

**BAHAGIAN I**

**AKTIVITI**

**JABATAN/AGENSI**

**DAN PENGURUSAN SYARIKAT**

**KERAJAAN NEGERI**

---



---

# **JABATAN KERJA RAYA**

## **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**

## **PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH**

## **MAJLIS DAERAH JEMPOL**

---

### **1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI**

#### **1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Jalan Negeri bermaksud mana-mana jalan awam, selain daripada jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan Jalan Negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetung yang menjadi sebahagian dari jalan tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Berdasarkan kepada rekod *Malaysian Road Records Information System* (Sistem MARRIS), panjang rangkaian jalan Negeri yang disenggarakan pada akhir tahun 2015 adalah 10,409.61 km yang melibatkan sebanyak 16,890 batang jalan. Jalan Negeri disenggarakan oleh Jabatan/Agenzi pelaksana di peringkat Negeri iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

**1.1.2.** Kerja penyenggaraan jalan ini terbahagi kepada 4 kategori iaitu rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan. Penyenggaraan rutin adalah kerja penyenggaraan berjadual yang dijalankan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Penyenggaraan berkala pula melibatkan kerja-kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan seperti menguatkan struktur *pavement* jalan, membuang permukaan jalan sedia ada dan menggantikan dengan permukaan jalan yang baru (*resurfacing*) dan menampal permukaan jalan yang retak sebelum menurap semula jalan sedia ada. Penyenggaraan kecemasan melibatkan kerja-kerja luar jangka yang memerlukan tindakan segera seperti tanah runtuh, tambak/benteng runtuh, jambatan runtuh, pokok tumbang, pembetung dan struktur parit runtuh dan tumpahan bahan kimia. Manakala penyenggaraan pencegahan adalah kerja-kerja tindakan awal yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan fungsi asal elemen jalan sedia ada yang mana kelewatan mengambil tindakan tersebut boleh menyebabkan implikasi kewangan yang tinggi dan boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya seperti kajian cerun, ketahanan jalan dan lalu lintas. Kerja penyenggaraan jalan ini dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan/Agenzi pelaksana atau kontraktor yang dilantik oleh Jabatan/Agenzi pelaksana melalui tender, sebut harga dan pembelian terus.

**1.1.3.** Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS. Jalan Negeri yang layak mendapat pemberian

penyenggaraan terdiri daripada jalan raya negeri, jalan raya bandaran, jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang, dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Pemberian penyenggaraan jalan Negeri diterima secara berperingkat setiap tahun daripada Kerajaan Persekutuan. Pemberian ini diakaunkan dalam Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (Akaun Amanah). Bagi tahun 2013 hingga 2015, pemberian Kerajaan Persekutuan yang diterima adalah berjumlah RM571.31 juta seperti di **Jadual 1.1**. Manakala jumlah panjang jalan yang telah didaftarkan di dalam sistem MARRIS adalah sepanjang 10,409.61km seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.1**  
**Peruntukan Akaun Amanah Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Baki Awal Tahun (RM Juta)	Pemberian Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Lain-Lain Terimaan (RM Juta)	Jumlah Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan Tahunan (RM Juta)	Baki Akhir (RM Juta)
2013	252.19	173.92	115.16	289.08	253.12	288.15
2014	288.15	191.14	0.02	191.16	167.96	311.35
2015	311.35	206.25	0.03	206.28	207.66	309.97
<b>Jumlah</b>		<b>571.31</b>	<b>115.21</b>	<b>686.52</b>	<b>628.74</b>	

Sumber: JKR Negeri Sembilan

**Jadual 1.2**  
**Panjang Jalan Yang Didaftarkan Dalam Sistem MARRIS Mengikut Agensi Pelaksana Sehingga 31 Disember 2015**

Bil.	Daerah	Agensi Pelaksana (km)				Jumlah (km)
		JKR	JPS	PBT	PDT	
1	Tampin	91.21	106.80	296.87	987.43	1,482.31
2	Port Dickson	99.51	9.00	543.08	485.30	1,136.89
3	Jelebu	126.86	110.80	75.94	294.85	608.45
4	Rembau	125.36	9.30	140.40	480.14	755.20
5	Kuala Pilah	260.40	324.65	175.25	652.29	1,412.59
6	Seremban	202.09	5.30	3,714.98	468.13	4,390.50
7	Jempol	58.86	7.46	267.21	290.14	623.67
<b>Jumlah</b>		<b>964.29</b>	<b>573.31</b>	<b>5,213.73</b>	<b>3,658.28</b>	<b>10,409.61</b>

Sumber: JKR Negeri Sembilan

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan jalan Negeri telah diurus dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kerja penyenggaraan jalan Negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi pelaksana di daerah Seremban, Kuala Pilah dan Jempol bagi tempoh 2013 hingga 2015. Jabatan/Agensi pelaksana yang terlibat adalah Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran

(JPS), Majlis Daerah Jempol (MDJL) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah (PDTKP). Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen berkaitan seperti jadual penyenggaraan, rekod panjang jalan, sebut harga kontrak penyenggaraan jalan, mengkaji dan menganalisis data yang berkaitan dengan aktiviti terimaan dan penggunaan Akaun Amanah yang dilaksanakan Jabatan/Agensi pelaksana. Selain itu, pihak Audit juga mengadakan lawatan ke lokasi yang terlibat. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dilakukan bagi mengesahkan maklumat yang diterima. Pengauditan ini pernah dilaksanakan pada tahun 2012 yang telah dibentangkan dalam Siri 3, Laporan Ketua Audit Negara 2012. *Exit Conference* bersama Pengarah JKR Negeri Sembilan, Pegawai Daerah PDTKP, Setiausaha MDJL dan wakil JPS telah diadakan pada 11 Februari 2016.

#### 1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2015 ini mendapati secara keseluruhannya program penyenggaraan jalan negeri di Negeri Sembilan adalah baik dari segi perbelanjaan Akaun Amanah yang meningkat setiap tahun melebihi 85% daripada jumlah peruntukan tahunan yang diterima. Kualiti kerja penyenggaraan khususnya bagi kerja-kerja yang dibuat pada tahun 2015 juga adalah baik. Bagaimanapun, beberapa kelemahan yang ditemui seperti dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Rancangan penyenggaraan hendaklah merangkumi semua jalan didaftarkan.
- Pemantauan perlu dibuat bagi kerja yang dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan utiliti.
- Maklumat jalan dalam Sistem MARRIS tidak tepat.
- Perakuan terhadap permohonan pendaftaran jalan dalam Sistem MARRIS tanpa dokumen sokongan.

##### 1.4.1. Prestasi Perbelanjaan Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri

**1.4.1.1.** Kos penyenggaraan jalan negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan dibiayai melalui Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Acara Kewangan 1957. Sumber utama dana akaun ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM686.52 juta telah diterima oleh Akaun Amanah iaitu RM571.31 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pemberian jalan negeri dan baki RM115.21 juta adalah lain-lain terimaan. Manakala pembayaran melalui Akaun Amanah ini bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM628.74 juta atau 91.6% daripada jumlah peruntukan yang diterima. Kedudukan perbelanjaan Akaun Amanah mengikut Jabatan/Agensi pelaksana dan peratus perbelanjaan berbanding peruntukan yang diterima bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Prestasi Perbelanjaan Akaun Amanah**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Jabatan/Agensi Pelaksana	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	
1	Jabatan Kerja Raya	167.09	66.01	89.37	322.47
2	Pihak Berkuasa Tempatan	55.38	74.93	82.32	212.63
3	Agensi-Agenzi Lain (PDT & JPS)	30.65	27.02	35.97	93.64
4	Jumlah Perbelanjaan (A)	253.12	167.96	207.66	628.74
5	Baki Awal Tahun (B)	252.19	288.15	311.35	252.19
6	Jumlah Terimaan Tahunan (C)	289.08	191.16	206.28	686.52
7	Baki Pada 31 Disember	288.15	311.35	309.97	309.97
8	Peratus Perbelanjaan Berdasarkan Peruntukan Tahunan (%) (A/C x %)	87.6%	87.9%	100.7%	91.6%
9	Peratus Perbelanjaan Berdasarkan Baki Keseluruhan (%) (A/(B + C) x %)	46.8%	35.0%	40.1%	67.0%

Sumber: JKR Negeri Sembilan

**1.4.1.2.** Peratus perbelanjaan berdasarkan peruntukan tahunan diterima bagi penyenggaraan jalan menunjukkan peningkatan dari tahun 2013 hingga 2015 iaitu masing-masing sebanyak 87.6%, 87.9% dan 100.7%. Perbelanjaan tertinggi dilakukan oleh JKR dan diikuti oleh PBT dan Agensi-agensi lain. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, jumlah perbelanjaan penyenggaraan jalan oleh JKR adalah RM322.47 juta atau 51.3% daripada keseluruhan perbelanjaan. Manakala perbelanjaan penyenggaraan jalan oleh PBT bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM212.63 juta atau 33.8% daripada jumlah perbelanjaan bagi tempoh tersebut. Bagaimanapun prestasi perbelanjaan keseluruhan untuk tempoh 3 tahun hanya pada tahap 67.0% dengan baki terkumpul Akaun Amanah pada 31 Disember 2015 berjumlah RM309.97 juta.

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Akaun Amanah ini adalah baik iaitu purata perbelanjaan bagi 3 tahun terakhir sebanyak 91.6% daripada peruntukan yang diterima dan trend perbelanjaan yang meningkat setiap tahun.**

#### **1.4.2. Rancangan Penyenggaraan**


**1.4.2.1.** Semakan Audit mendapati JPS Rembau, PDT Kuala Pilah, dan Majlis Daerah Jempol ada menyediakan rancangan penyenggaraan jalan yang dihantar setiap tahun bagi mendapatkan kelulusan dalam Mesyuarat Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri. Bagaimanapun ia hanya melibatkan jalan yang ingin disenggarakan pada tahun semasa dan tidak merangkumi semua jalan di bawah seliaan Jabatan/Agensi masing-masing. Manakala bagi kategori Jalan Raya Negeri (JRN) di bawah seliaan JKR Daerah Seremban, perancangan penyenggaraan dibuat berdasarkan kajian *pavement* jalan yang dilaksanakan setiap 3 tahun yang dikenali sebagai *Highway Development & Management Version 4* (HDM-4). Kajian ini dilaksanakan secara menyeluruh terhadap semua jalan JRN di Negeri Sembilan melalui vendor yang dilantik oleh JKR Negeri Sembilan. Hasil kajian mengandungi butiran analisis *pavement* jalan yang diedarkan pada

semua JKR Daerah bagi tujuan asas penilaian dalam menyediakan rancangan tahunan penyenggaraan jalan JRN. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan bermula sejak tahun 2013 dan merupakan projek perintis yang diusahakan oleh JKR Negeri Sembilan.

**1.4.2.2.** Semakan Audit selanjutnya mendapati Jabatan/Agensi pelaksana memantau keadaan jalan dengan membentuk pasukan ronda yang akan memantau keadaan jalan dari semasa ke semasa. Pasukan ini ditubuhkan bagi melakukan rondaan pemantauan jalan dan berfungsi sebagai petugas yang mendapatkan data-data jalan baru bagi tujuan pendaftaran ke dalam MARRIS. Selain itu, penyenggaraan jalan dilakukan apabila menerima aduan atau permohonan daripada orang awam atau pihak tertentu.

**1.4.2.3.** Pihak Audit telah membuat lawatan di 22 batang jalan merangkumi 4 kategori jalan di bawah senggaraan JKR Seremban, JPS Rembau, PDT Kuala Pilah, dan Majlis Daerah Jempol. Lawatan Audit ke jalan-jalan yang dipilih mendapati antara kerosakan yang ditemui adalah seperti kerja tampalan jalan tidak kemas, bahu jalan, dan lorong belakang tidak disenggarakan. Pihak Audit tidak dapat memastikan bila kali terakhir jalan tersebut disenggarakan dan jadual penyenggaraan berikutnya kerana tiada rekod penyenggaraan dan rekod rondaan bagi jalan yang terlibat disediakan oleh pihak Jabatan/Agensi pelaksana. Contoh keadaan kerosakan jalan yang ditemui ialah bahu jalan tidak rata, batu tanda jalan patah dan tampalan *pothole* tidak kemas adalah seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.5**.

**Gambar 1.1**  
**Kejatuhan Alas Bahu Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kayu Ara, Sendayan  
Tarikh: 22 Disember 2015

**Gambar 1.2**  
**Bahu Jalan Tidak Rata**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Mambau-Rantau  
Tarikh: 22 Disember 2015

**Gambar 1.3**  
**Batu Penanda Jalan Patah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kayu Ara, Sendayan  
Tarikh: 22 Disember 2015

**Gambar 1.4**  
**Tampalan *Pothole* Tidak Kemas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman ACBE, Bahau  
Tarikh: 16 Disember 2015



**Gambar 1.5**  
**Tebing Lorong Belakang Ditutupi Pokok Menjalar**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lorong Belakang Pekan Bahau  
Tarikh: 16 Disember 2015

**1.4.2.4. Maklum balas JKR bertarikh 11 Februari 2016, menyatakan pihak JKR Negeri Sembilan ada menjalankan kajian HDM-4 (*Highway Development & Management Version 4*) bagi Jalan Raya Negeri (JRN) pada tahun 2013. Melalui kajian ini keadaan struktur jalan dan permukaan jalan akan dibahagi mengikut kategori sama ada dalam keadaan sangat baik, baik, sederhana dan kurang memuaskan. Rancangan penyenggaraan menyeluruh setiap tahun adalah berdasarkan laporan kajian yang terkandung dalam HDM-4. Bagi kerja-kerja membaiki kerosakan jalan seperti Gambar 1.1 hingga Gambar 1.3 akan dilaksanakan setelah proses tender selesai. Maklum balas MDJL bertarikh 19 Februari 2016, menyatakan pihak MDJL ada menyediakan perancangan berjadual namun keutamaan akan diberikan kepada aduan masyarakat terhadap jalan rosak terlebih dahulu. Manakala bagi situasi Gambar 1.4 dan Gambar 1.5, MDJL akan meningkatkan mutu kerja-kerja tampalan *pothole* dan ambil maklum teguran Audit bagi situasi tebing lorong belakang yang perlu disenggarakan. Maklum balas PDT Kuala Pilah bertarikh 11 Februari 2016, menyatakan senarai jalan untuk disenggara ada disediakan dan situasi kecemasan adalah menjadi keutamaan. Maklum balas JPS bertarikh 11 Februari 2016, menyatakan penyenggaraan jalan diutamakan bagi jalan yang berusia lebih dari 2 tahun.**

### **1.4.3. Kualiti Penyenggaraan Jalan Negeri**

**1.4.3.1.** Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia menyatakan penyenggaraan jalan negeri terbahagi kepada empat kategori iaitu rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan. Sepanjang tahun 2013 hingga 2015 terdapat 2,279 projek yang telah diluluskan dan dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi pelaksana seperti di **Jadual 1.4.**

**Jadual 1.4**  
**Bilangan Projek Yang Diluluskan Di Bawah Peruntukan Akaun Amanah**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Jabatan/Agensi Pelaksana	Tahun			Jumlah Projek
		2013	2014	2015	
1	Jabatan Kerja Raya	127	231	304	662
2	Pihak Berkuasa Tempatan	244	272	186	702
3	Pejabat Daerah Dan Tanah	245	311	265	821
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran	32	32	30	94
<b>Jumlah</b>		<b>648</b>	<b>846</b>	<b>785</b>	<b>2,279</b>

Sumber: JKR Negeri Sembilan

**1.4.3.2.** Lawatan Audit bagi projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 melibatkan jalan raya negeri, jalan raya bandaran, jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang, dan jalan pertanian/jalan kampung di bawah seliaan Jabatan/Agensi pelaksana seperti JKR Seremban, JPS, PDTKP dan MDJL. Projek-projek yang dilaksanakan merangkumi kerja-kerja penyenggaraan rutin, berkala dan kecemasan di bawah Jabatan/Agensi pelaksana.

#### **a. Penyenggaraan Rutin**

Lawatan Audit ke Jalan Kampung Anggabis, Daerah Kuala Pilah dan Jalan Kampung Daching, Lenggeng di Daerah Seremban mendapati kerja penyenggaraan rutin seperti potong rumput, penyenggaraan bahu jalan dan penyenggaraan pembetung dan jambatan dilaksanakan. Antara keadaan jalan yang disenggara ialah penyenggaraan rutin potong rumput, penyenggaraan bahu jalan dan penyenggaraan pembetung dan jambatan adalah seperti **Gambar 1.6** hingga **Gambar 1.8**.

**Gambar 1.6**  
**Penyenggaraan Rutin Potong Rumput**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Anggabisa, Kuala Pilah  
Tarikh: 22 Disember 2015

**Gambar 1.7**  
**Penyenggaraan Bahu Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Anggabisa, Kuala Pilah  
Tarikh: 22 Disember 2015



**Gambar 1.8**  
**Penyenggaraan Pembetung Dan Jambatan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Kg. Daching, Lenggeng  
Tarikh: 5 Disember 2015

### b. Penyenggaraan Berkala

Lawatan Audit ke persimpangan Bandar Baru Nilai dan Jalan Mantau, Daerah Seremban serta Jalan Kampung Solok, Daerah Kuala Pilah mendapati kerja penyenggaraan berkala seperti turap jalan, mengecat jalan dan menyenggara persimpangan jalan telah dilaksanakan. Antara keadaan jalan yang telah disenggarakan ialah penyenggaraan berkala bagi turap dan mengecat jalan seperti **Gambar 1.9 hingga Gambar 1.11.**

**Gambar 1.9**  
**Penyenggaraan Berkala – Turap Dan Mengecat Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Persimpangan Bandar Baru Nilai  
Tarikh: 5 Disember 2015

**Gambar 1.10**  
**Penyenggaraan Berkala – Mengecat Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Mantau, Seremban  
Tarikh: 5 Disember 2015



**Gambar 1.11**  
**Penyenggaraan Berkala – Turap Jalan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Solok, Kuala Pilah  
Tarikh: 26 November 2015

**1.4.3.3.** Lawatan Audit di Daerah Seremban dan Jempol pula mendapati kerosakan dan kecacatan jalan berpunca daripada kerja-kerja tampalan jalan berikut pengorekan oleh penyedia perkhidmatan utiliti yang tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan/Agensi pelaksana. Contoh tampalan jalan yang dikorek tidak rata serta bonggol jalan yang telah dibina tanpa kebenaran adalah seperti di **Gambar 1.12** hingga **Gambar 1.14**.

**Gambar 1.12**  
**Tampalan Jalan Yang Dikorek Tidak Rata**



16/12/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman ACBE, Jempol  
Tarikh: 16 Disember 2015

**Gambar 1.13**  
**Bonggol Jalan Dibina Tanpa Kebenaran**



16/12/2015

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Desa Puteri, Bahau  
Tarikh: 16 Disember 2015



22/12/2015

**Gambar 1.14**  
**Tampalan Jalan Yang Dikorek Tidak Rata**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Mambau-Rantau  
Tarikh: 22 Disember 2015

**1.4.3.4. Maklum balas MDJL bertarikh 19 Februari 2016, menyatakan kerosakan jalan seperti Gambar 1.12 adalah berpunca daripada kerja agensi lain tanpa pemantauan dan makluman pada MDJL. Manakala pembinaan bonggol seperti Gambar 1.13 dibina tanpa kelulusan oleh pemilik premis dalam taman perumahan tersebut. MDJL mempunyai kekangan kakitangan bagi kekerapan pemantauan bagaimanapun akan menambah baik syarat-syarat kelulusan serta pemantauan yang lebih berkesan. Maklum balas JKR bertarikh 11 Februari 2016, menyatakan kerosakan jalan seperti Gambar 1.14 adalah berpunca dari kerja korekan jalan oleh pihak utiliti yang telah dilakukan tanpa mendapat permit daripada JKR Seremban.**

Pada pendapat Audit, kualiti penyenggaraan jalan negeri adalah baik kerana semua kerja penyenggaraan tahun 2015 yang dilawati telah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam proses perolehan dan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Pemantauan terhadap kerja tampalan jalan berikut pengorekan oleh penyedia perkhidmatan utiliti perlu dilakukan bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan/Agensi pelaksana.

#### 1.4.4. Maklumat Jalan Dalam Sistem MARRIS Tidak Tepat

**1.4.4.1.** Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia menyatakan pendaftaran sesuatu jalan adalah tanggungjawab Jabatan/Agensi pelaksana berdasarkan kategori jalan di bawah seliaan Jabatan/Agensi Pelaksana. Ini bagi mengelakkan pertindihan pendaftaran jalan oleh Jabatan/Agensi pelaksana di peringkat daerah. Bilangan dan panjang jalan Negeri yang diselenggara oleh Jabatan/Agensi pelaksana secara keseluruhannya seperti mana yang direkodkan dalam sistem MARRIS adalah sebanyak 16,890 batang jalan dengan jarak keseluruhan sepanjang 10,409.61 km.

**1.4.4.2.** Semakan Audit terhadap rekod jalan dalam sistem MARRIS mendapati data yang dimasukkan mempunyai pertindihan kod pengenalan (ID) jalan serta nama jalan seperti di **Jadual 1.5**. Keadaan ini menyebabkan maklumat bilangan jalan yang direkodkan dalam sistem MARRIS kurang tepat.

**Jadual 1.5**  
**Kesilapan Data Jalan Dalam Sistem MARRIS**

Bil.	ID Jalan	Nama Jalan	Tahun Daftar	Jabatan/Agensi Pelaksana	Catatan
1	07386	Jalan Kg. Kelapi	2011	PDTKP	Pertindihan ID bagi 10 batang jalan
	07386	Jalan Kg. Lubuk Bunga			
	07386	Jalan Kg. Solok Cenderong			
	07386	Jalan Kg. Chiong			
	07386	Jalan Kg. Bunga Tanjung			
	07386	Jalan Kg. Solok Gesiu			
	07386	Jalan Kg. Charek			
	07386	Jalan Kg. Sompo			
	07386	Jalan Kg. Senarak			
	07386	Jalan Kg. Bari			
2	05776	Jalan Kg. Ambor Ulu	2013	MDJL	2 Pendaftaran bagi 1 batang jalan
	05776	Jalan Kg. Ambor Ulu	2011		
3	05776	Jalan Kg. Ambor Hilir	2013		
	05776	Jalan Kg. Ambor Hilir	2011		
4	05776	Jalan Kg. Ambor Tengah	2013		
	05776	Jalan Kg. Ambor Tengah	2011		
5	09303	Jalan Kubur Kg. Mungkal	2012		
	09303	Jalan Kubur Kg. Mungkal	2011		
6	15307	Jalan 4, Taman Sri Mansan	2012	MDJL	12 batang jalan dengan ID dan Nama Jalan yang sama
7	15313	Jalan Utama 4, Taman Mahsan	2012		11 batang jalan dengan ID dan Nama Jalan yang sama

Sumber: JKR Negeri Sembilan

**1.4.4.3. Maklum balas daripada JKR bertarikh 11 Februari 2016, menyatakan pihak JKR Negeri Sembilan telah mendapatkan khidmat luar dalam membuat kajian semula rekod jalan bagi memastikan ketepatan rekod dalam sistem MARRIS. Data kajian tersebut telah diterima dan proses pemutihan rekod dalam sistem MARRIS sedang berjalan. Data tersebut turut dipanjangkan kepada semua Jabatan/Agensi pelaksana bagi mengemas kini maklumat jalan di bawah seliaan masing-masing. Maklum balas MDJL bertarikh 19 Februari 2016, menyatakan pihak MDJL sedang berusaha membuat pemutihan data-data lama, bertindih dan jalan yang telah ditukar nama serta mengemas kini data berdasarkan maklumat yang diterima dari JKR Negeri Sembilan. Maklum balas PDT Kuala Pilah bertarikh 23 Februari 2016, menyatakan nombor ID yang bertindih dijana berdasarkan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK). 10 batang jalan yang didaftarkan dalam satu ID iaitu 07386 adalah kerana semua jalan tersebut berada dalam satu JKKK yang sama iaitu JKKK Dingkir. Manakala pendaftaran 2 kali bagi jalan yang sama, pihak PDT Kuala Pilah sedang mengemas kini data berdasarkan maklumat yang diterima dari JKR Negeri Sembilan.**

Pada pendapat Audit, tindakan pemutihan bagi rekod jalan di dalam pangkalan data sistem MARRIS hendaklah disegerakan kerana terdapat pertindihan data yang dikunci masuk dalam sistem MARRIS.

#### **1.4.5. Perakuan Terhadap Permohonan Pendaftaran Jalan Dalam Sistem MARRIS Tanpa Dokumen Sokongan**

**1.4.5.1.** Para 8.5 Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan telah menetapkan semua kategori jalan baru yang didaftarkan oleh Agensi Pelaksana dalam sistem MARRIS perlu mempunyai maklumat seperti Nama Jalan, Panjang Dan Lebar Jalan, Koordinat GPS, Lebar Jalan Dan Bahu Jalan, Ukuran, dan Jenis Permukaan Jalan (*Surface Road Type - SRT*). Jurutera Daerah sebagai perakur peringkat 1 perlu memperakur maklumat ini sebelum 31 Oktober dan Pengarah JKR Negeri pula sebagai perakur peringkat 2 akan mengesahkan maklumat ini selewat-lewatnya 31 Disember setiap tahun.

**1.4.5.2.** Semakan Audit mendapati dokumen asal maklumat jalan yang telah dikunci masuk ke dalam sistem MARRIS oleh PDTKP dan MDJL tidak disalinkan/dihantar ke JKR Daerah dan difaiklan sebagai sokongan. Setiap pendaftaran baru jalan oleh JKR Daerah Seremban pula telah diperakur peringkat 1 tanpa rujukan dokumen. Keadaan ini menyebabkan maklumat jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS tidak dapat diakui sah ketepatan maklumat oleh Jabatan/Agensi pelaksana kerana dokumen sokongan tidak difaiklan.

**1.4.5.3.** Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 20 Januari 2016, sebanyak 7,967 permohonan pendaftaran jalan yang menunggu perakuan peringkat 1 dan sebanyak 3,781 permohonan pendaftaran jalan yang menunggu perakuan peringkat 2.

Tindakan pihak JKR mengadakan sesi pengauditan jalan sekurang-kurangnya setahun sekali adalah baik. Bagaimanapun, pengauditan tersebut dilakukan secara sampel dan tidak melibatkan setiap jalan yang didaftarkan pada tahun berkenaan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6**  
**Bilangan Permohonan Pendaftaran Jalan Dalam Sistem MARRIS**  
**Mengikut Peringkat Perakuan**

Bil.	Kategori Jalan	Peringkat Perakuan		
		Peringkat 1	Peringkat 2	Telah Didafarkan
1	Jalan Raya Negeri	3	1	1,537
2	Jalan Raya Bandaran	3,945	1,692	7,722
3	Jalan Kawasan Perumahan Rendah	310	140	234
4	Lorong Belakang	3,133	1,456	2,539
5	Jalan Kampung	561	486	4,651
6	Jalan Pertanian	15	6	207
<b>Jumlah</b>		<b>7,967</b>	<b>3,781</b>	<b>16,890</b>

Sumber: JKR Negeri Sembilan

**1.4.5.4. Maklum balas JKR bertarikh 11 Februari 2016, menyatakan pihak JKR Negeri Sembilan telah mendapatkan khidmat luar dalam membuat kajian semula rekod jalan bagi memastikan ketepatan rekod dalam MARRIS. Data kajian tersebut akan digunakan sebagai sokongan bagi semua permohonan yang telah diterima. Selain itu proses pemutihan rekod dalam MARRIS sedang berjalan berdasarkan data yang diterima daripada kajian tersebut.**

Pada pendapat Audit, dokumen sokongan semasa permohonan pendaftaran jalan baru perlu dihantar atau disalinkan kepada JKR Daerah dan JKR Negeri bagi tujuan perakuan dan difailkan sewajarnya bagi memudahkan rujukan pada masa hadapan.

## 1.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan dan menambah baik prestasi pengurusan penyenggaraan jalan negeri adalah disyorkan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Majlis Daerah Jempol dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah mengambil tindakan seperti berikut:

**1.5.1.** Menyediakan perancangan bagi semua kategori penyenggaraan jalan negeri di bawah seliaan Jabatan/Agensi Pelaksana.

**1.5.2.** Menambah baik sistem pemantauan penyenggaraan jalan negeri bagi penyedia perkhidmatan utiliti di bawah seliaan Jabatan/Agensi Pelaksana.

**1.5.3.** Memastikan data dalam sistem MARRIS dikemas kini. Setiap proses perakuan pendaftaran jalan baru diperaku berdasarkan dokumen sokongan yang disertakan dan difailkan sewajarnya.

---

## **PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**

### **UNIT PERUMAHAN**

### **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

---

## **2. PENGURUSAN PERUMAHAN KUOTA BUMIPUTERA**

### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Sebagai usaha agar pemilikan harta tanah dan mewujudkan komposisi kaum yang seimbang dalam suatu kawasan perumahan, berkuat kuasa pada 5 Jun 2015 Kerajaan Negeri Sembilan telah menetapkan kuota sebanyak 50% daripada keseluruhan pembangunan perumahan sebagai pemilikan kuota bumiputera. Daripada jumlah tersebut, 30% adalah diperuntukkan sebagai kuota bumiputera manakala 20% ditetapkan sebagai Lot Bumiputera Terbuka atau *Bumiputera Open Lot* (BOL). BOL bermaksud lot perumahan tersebut boleh dijual kepada bukan Bumiputera melalui pertimbangan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Penetapan kuota Bumiputera sebelum itu hanya menetapkan sebanyak 30% daripada keseluruhan pembangunan perumahan. Harga seunit rumah bagi kuota yang diperuntukkan kepada Bumiputera dijual dengan harga diskaun sebanyak 10% daripada harga jualan manakala 5% diskaun bagi BOL. Tiada tafsiran khusus terhadap istilah Bumiputera disediakan oleh PTGNS dan secara umumnya pemaju menjual kuota Bumiputera kepada pembeli Melayu dan orang asli.

**2.1.2.** Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS), Unit Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (UPSUK) dan Pejabat-pejabat Tanah Daerah telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri dalam pengurusan kuota Bumiputera di Negeri Sembilan. Bagi lot kuota Bumiputera yang tidak terjual, pemaju dibenarkan untuk memohon pelepasan setelah memenuhi syarat yang telah ditetapkan dengan mengemukakan permohonan ke UPSUK sebelum diluluskan MMKN untuk dilepaskan jualan kepada bukan Bumiputera. Mulai bulan Jun 2014, pemaju dikehendaki membayar kepada Kerajaan Negeri jumlah perbezaan antara Harga Pelancaran Bumiputera dan harga semasa yang dinilai oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta bagi setiap lot kuota Bumiputera yang dilepaskan. Bagi tujuan ini, UPSUK telah mewujudkan Akaun Amanah Kuota Bumiputera untuk mengakaunkan terimaan bayaran daripada pemaju bagi pelepasan lot-lot Bumiputera. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 71 pendaftaran projek baru telah diterima di Negeri Sembilan melibatkan 60 pemaju. Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 191 permohonan pelepasan kuota Bumiputera telah diterima dan 86 daripadanya telah diluluskan untuk jualan kepada bukan Bumiputera seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Permohonan Dan Kelulusan Pelepasan Kuota Bumiputera**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Daerah	Permohonan (Lot)	Diluluskan (Lot)
1	Seremban	136	70
2	Port Dickson	5	2
3	Rembau	0	0
4	Kuala Pilah	0	0
5	Tampin	47	14
6	Jempol	0	0
7	Jelebu	3	0
<b>Jumlah</b>		<b>191</b>	<b>86</b>

Sumber: UPSUK

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan perumahan kuota Bumiputera Negeri Sembilan telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek penetapan kuota Bumiputera, pelepasan lot Bumiputera, pengeluar hakmilik serta pengurusan Akaun Amanah Kuota Bumiputera bagi tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan dijalankan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) dan Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (UPSIK), Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban (PDT Seremban) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin (PDT Tampin). Kaedah pengauditan dilaksanakan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod, fail, data dan dokumen berkaitan pengurusan perumahan kuota Bumiputera. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan ke pejabat jualan pemaju dan tapak projek turut dilakukan untuk mendapatkan pengesahan. *Exit Conference* bersama Pengarah PTGNS, Ketua Penolong Setiausaha UPSIK, Penolong Pegawai Daerah PDT Seremban dan Penolong Pegawai Daerah PDT Tampin telah diadakan pada 15 Februari 2016.

## 2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan September hingga November 2015 mendapati pengurusan perumahan kuota Bumiputera dari segi penetapan lot Kuota Bumiputera dan proses pelepasan kuota Bumiputera adalah baik tetapi dari aspek pelaksanaan lainnya adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi keseluruhan pemilikan kuota Bumiputera di Negeri Sembilan tidak dapat disahkan.
- Iklan jualan kuota Bumiputera di akhbar tidak lengkap.

- Kelewatan penerimaan bayaran sumbangan pelepasan kuota Bumiputera.
- Tiada mekanisme pemantauan jualan kuota Bumiputera.
- Hak milik kuota Bumiputera tidak dimasukkan sekatan kepentingan.
- Penerimaan dan perbelanjaan Akaun Amanah Kuota Bumiputera tidak mematuhi kehendak Arahan Amanah.

#### **2.4.1. Prestasi Pelaksanaan Dasar Pemilikan Kuota Bumiputera**

Dasar Kerajaan Negeri sebelum ini menetapkan supaya kuota 30% diperuntukkan kepada Bumiputera bagi jualan setiap kategori rumah, kedai dan bangunan perdagangan dan kuota ini telah dinaikkan kepada 50% bermula 5 Jun 2015. Daripada jumlah tersebut, 30% adalah diperuntukkan sebagai kuota bumiputera manakala 20% ditetapkan sebagai Lot Bumiputera Terbuka atau *Bumiputera Open Lot* (BOL).

##### **2.4.1.1. Prestasi Keseluruhan Pemilikan Kuota Bumiputera Tidak Dapat Disahkan**

- a. Semakan Audit terhadap 30 fail permohonan lot kuota Bumiputera di PTGNS bagi 29 projek perumahan di Daerah Seremban dan satu projek di Daerah Tampin mendapati jumlah lot kuota Bumiputera yang telah diluluskan bagi tahun 2013 hingga Ogos 2015 adalah sebanyak 1,853 lot (35%) daripada jumlah keseluruhan 5,289 lot yang dimajukan seperti di **Jadual 2.2**, **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2** adalah antara projek perumahan yang telah diluluskan lot kuota Bumiputera.

**Jadual 2.2**  
**Kuota Bumiputera Yang Telah Diluluskan Bagi Tempoh 2013 Hingga Ogos 2015**

Tahun	Pemaju	Lot Keseluruhan (Unit)	Kuota Bumiputera (Unit)	Kuota Bumiputera (%)
<b>Daerah Seremban</b>				
2013	CL Building Services Sdn. Bhd.	53	16	30
	Cengkam Kota Sdn. Bhd.	180	54	30
	Sunny Mode Sdn. Bhd.	93	28	30
	Lembaga Tabung Haji	65	20	31
	Seremban Two Holding Sdn. Bhd.	76	23	30
	FPA Capital Sdn. Bhd.	39	12	31
	Gerak Teguh Sdn. Bhd.	38	11	29
	TH-NSTC Sdn. Bhd.	1459	730	50
	Idaman Avenue Sdn. Bhd.	22	4	18
	Three Woods Development Sdn. Bhd.	54	16	30
	Sime Darby Nilai Utama	70	21	30
	Perumahan Sungai Ramal NS Sdn. Bhd.	198	60	30
2014	Sime Darby Properties Reality Sdn. Bhd.	188	56	30
	Majestine Development Sdn. Bhd.	4	1	25
	Sime Darby Ainsdale Development Sdn. Bhd.	32	10	31
	Gerak Teguh Sdn. Bhd.	122	37	30
	Sani-Map Development Sdn. Bhd.	37	11	30
	Gerak Teguh Sdn. Bhd.	71	21	30
	Botanic Acres Development Sdn. Bhd.	423	127	30
	National Land Finance Cooperative Society Ltd.	383	115	30
	Pemerbadanan Menteri Besar Negeri Sembilan	38	11	29
	Vintekjaya Sdn. Bhd.	22	7	32
	Pemerbadanan Menteri Besar Negeri Sembilan	361	109	30
	Hartamas Nusajaya Sdn. Bhd.	69	21	30
	Multiplex Development Sdn. Bhd.	41	13	32
	Seriemas Development Sdn. Bhd.	22	7	32
	Tenahman Sdn. Bhd.	335	75	22
Setakat Ogos 2015	Pristine Pelican Sdn. Bhd.	26	7	27
	TH Properties Sdn. Bhd.	752	225	30
<b>Daerah Tampin</b>				
2013	Tiada Permohonan			
2014	Gan Heng & Sons Plantation Sdn. Bhd.	16	5	31
Setakat Ogos 2015	Tiada Permohonan			
<b>Jumlah</b>		<b>5,289</b>	<b>1,853</b>	<b>35</b>

Sumber: PTGNS

**Gambar 2.1**  
**Projek Perumahan Yang Diluluskan  
Kuota Bumiputera**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Jasper Indah, Seremban  
Tarikh: 17 November 2015

**Gambar 2.2**  
**Projek Perumahan Yang Diluluskan  
Kuota Bumiputera**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Nilai 3, Nilai  
Tarikh: 18 November 2015

- b. Berdasarkan **Jadual 2.2**, sebanyak 6 (20%) daripada 30 projek tersebut telah diperuntukkan kuota Bumiputera kurang daripada 30% seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pemilikan harta tanah sebanyak 30% di kalangan Bumiputera di Negeri Sembilan bagi tahun 2013 hingga Mei 2015 dan 50% setelah Dasar Perumahan Negeri Sembilan yang baru dikuatkuasakan. Ini kerana PTGNS sebagai urus setia, tidak menyelenggarakan Daftar Utama yang merangkumi maklumat keseluruhan mengenai pendaftaran kuota Bumiputera untuk mengukur prestasi pemilikan kuota Bumiputera yang sebenar.
- c. **Mengikut maklum balas UPSUK pada 16 Mac 2016, pemilikan kuota Bumiputera di Negeri Sembilan secara keseluruhannya seperti di Jadual 2.2 boleh disemak dan disahkan melalui daftar pindah milik daripada pemaju kepada pembeli. Maklumat ini boleh diperoleh di PDT. Pemantauan pembelian dan transaksi kuota Bumiputera dilaksanakan oleh PDT iaitu semasa proses pindah milik dilakukan oleh pemaju melalui Borang 14A. Transaksi penjualan dan pindah milik kuota Bumiputera tidak boleh dilaksanakan kepada bukan Bumiputera tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan dasar penetapan lot kuota Bumiputera adalah baik kerana 80% projek perumahan yang disemak telah diperuntukkan lot kuota Bumiputera melebihi 30%. Bagaimanapun rekod berkaitan pencapaian untuk keseluruhan projek tidak diwujudkan bagi menilai prestasi pemilikan kuota bumiputera selaras dengan dasar yang telah ditetapkan.

#### **2.4.1.2. Prestasi Pelepasan Lot Kuota Bumiputera**

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 30 Disember 2005 telah menetapkan beberapa syarat kepada pemaju yang tidak dapat menjual lot kuota Bumiputera dan ingin memohon pelepasan bagi lot yang tidak terjual. Antara syarat pelepasan lot kuota Bumiputera tersebut ialah permohonan dikemukakan pada

tahap pembinaan siap 100% dan diperakui oleh Arkitek Berdaftar, pemaju dikenakan bayaran pendaftaran sejumlah RM1,000 bagi setiap projek, semua lot bukan Bumiputera telah habis dijual serta lot-lot Bumiputera telah diiklankan di akhbar utama sekurang-kurangnya 2 kali.

- b. Semakan Audit terhadap 15 sampel fail projek perumahan di Negeri Sembilan yang didaftarkan untuk permohonan pelepasan kuota Bumiputera bagi tahun 2013 hingga Ogos 2015 mendapati tiada rekod permohonan pelepasan bagi Daerah Rembau, Kuala Pilah dan Jempol. Sementara itu bagi daerah-daerah lain sebanyak 137 unit telah didaftarkan untuk jualan kuota Bumiputera dan sebanyak 105 unit atau 76.6% telah berjaya dijual kepada Bumiputera, manakala hanya 32 unit atau 23.4% telah dilepaskan kepada pembeli bukan Bumiputera seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Pelepasan Kuota Bumiputera Di Negeri Sembilan**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga Ogos 2015**

Bil.	Daerah	Kuota Bumiputera Yang Dilepaskan Kepada Bukan Bumiputera							
		2013		2014		Setakat Ogos 2015		Jumlah	
		Lot Bumiputera (Unit)	Lulus Pelepasan (Unit)	Lot Bumiputera (Unit)	Lulus Pelepasan (Unit)	Lot Bumiputera (Unit)	Lulus Pelepasan (Unit)	Lot Bumiputera (Unit)	Lulus Pelepasan (Unit)
1	Seremban	30	12	42	4	10	0	82	16
2	Port Dickson	0	0	0	0	5	2	5	2
3	Tampin	8	0	14	0	25	14	47	14
4	Jelebu	0	0	0	0	3	0	3	0
	<b>Jumlah</b>	<b>38</b>	<b>12</b>	<b>56</b>	<b>4</b>	<b>43</b>	<b>16</b>	<b>137</b>	<b>32</b>

Sumber: UPSUK

- c. Analisis Audit mendapati jenis hartanah yang paling banyak diluluskan untuk pelepasan lot kuota Bumiputera adalah rumah jenis berkembar setingkat atau 2 tingkat dan kedai/pejabat 2 tingkat iaitu masing-masing sebanyak 10 unit dan diikuti dengan pelepasan 6 unit rumah teres setingkat atau 2 tingkat, 4 unit kedai/pejabat setingkat atau 2 tingkat dan 2 unit kedai/pejabat 3 tingkat. Maklumat lanjut mengenai bilangan pelepasan kuota Bumiputera berdasarkan jenis hartanah adalah seperti di **Carta 2.1**.

**Carta 2.1**  
**Bilangan Pelepasan Kuota Bumiputera Berdasarkan Jenis Hartanah**



Sumber: UPSUK

- d. Analisis Audit selanjutnya mendapati harga satu lot bagi 16 lot kedai/pejabat kuota Bumiputera yang dilepaskan adalah antara RM389,900 hingga RM1.44 juta. Manakala harga satu lot bagi 16 lot rumah kuota Bumiputera yang telah dilepaskan adalah antara RM148,500 hingga RM458,240. Maklumat lanjut berkenaan bilangan lot kuota Bumiputera yang dilepaskan mengikut jenis dan harga harta tanah adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**

**Bilangan Lot Kuota Bumiputera Yang Dilepaskan Mengikut Jenis Dan Harga Hartanah**

Bil.	Jenis	Bilangan Kuota Bumiputera Dilepaskan			
		RM0.10 Juta Hingga RM0.49 Juta (Unit)	RM0.50 Juta Hingga RM0.99 Juta (Unit)	RM1.00 Juta Hingga RM4.99 Juta (Unit)	Jumlah (Unit)
1	Rumah Teres Setingkat/ 2 Tingkat	6	-	-	6
2	Rumah Berkembar Setingkat/ 2 Tingkat	10	-	-	10
3	Kedai/Pejabat Setingkat/ 2 Tingkat	4	-	-	4
4	Kedai/Pejabat 2 Tingkat	-	10	-	10
5	Kedai/Pejabat 3 Tingkat	-	-	2	2
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>10</b>	<b>2</b>	<b>32</b>

Sumber: UPSUK

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati semua pemaju telah memenuhi syarat-syarat pelepasan kecuali dari segi pengiklanan di mana hanya enam pemaju (40%) telah mengiklankan dengan lengkap seperti di **Gambar 2.3** dan dua pemaju (13.3%) tidak mengiklankan lot kuota Bumiputera yang hendak dijual. Selain itu juga 5 pemaju (33.3%) tidak menyatakan diskaun 10% daripada harga jualan pada iklan seperti di **Gambar 2.4**, satu pemaju (6.7%) tidak menyatakan jenis hartanah serta diskaun bagi kuota Bumiputera yang hendak dijual seperti di **Gambar 2.5** dan satu pemaju (6.7%) tidak menyatakan saiz rumah serta diskaun 10% daripada harga jualan seperti di **Gambar 2.6**.

**Gambar 2.3**

**Iklan Kuota Bumiputera Yang Lengkap**



Sumber: UPSUK

**Gambar 2.4**

**Iklan Tidak Menyatakan Diskaun Kuota Bumiputera**



**Gambar 2.5**  
Iklan Tidak Menyatakan Jenis Kediaman  
Dan Diskaun Kuota Bumiputera



**Gambar 2.6**  
Iklan Tidak Menyatakan Saiz Rumah Dan  
Diskaun Kuota Bumiputera



Sumber: UPSUK

- f. Perkara ini berlaku disebabkan PTGNS mahupun UPSUK tidak mengeluarkan garis panduan pengiklanan jualan rumah di akhbar kepada pemaju perumahan. Keadaan ini menyebabkan pemaju mengiklankan jualan kuota Bumiputera sebelum memohon pelepasan di ruang iklan akhbar yang kecil serta maklumat mengenai rumah yang hendak dijual tidak lengkap dan tidak dapat menarik perhatian pembeli Bumiputera. Selain itu juga, pembeli tidak mendapat maklumat yang lengkap mengenai rumah yang ditawarkan kepada Bumiputera untuk dijual.
- g. **Mengikut maklum balas UPSUK pada 23 Februari 2016, MMKN yang bersidang pada 30 Disember 2005 telah menetapkan bahawa pemaju yang memohon pelepasan kuota Bumiputera perlulah mengiklankan sekurang-kurangnya 2 kali dalam akhbar utama. Tiada garis panduan khusus ditetapkan berhubung iklan tersebut kerana ia di bawah bidang kuasa MMKN. Pihak UPSUK juga menyatakan mereka perlu mendapatkan pandangan MMKN terlebih dahulu sebelum sebarang garis panduan diwujudkan.**

Pada pendapat Audit, prestasi pelepasan unit kuota Bumiputera adalah memuaskan kerana UPSUK hanya meluluskan permohonan pelepasan unit kuota Bumiputera setelah semua syarat pelepasan dipatuhi dan dipersetujui oleh MMKN.

#### 2.4.1.3. Kelewatan Bayaran Sumbangan Pelepasan Lot Kuota Bumiputera

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 20 Julai 1994 telah memutuskan supaya pemaju membayar jumlah perbezaan antara harga jualan lot bukan Bumiputera dan harga jualan kuota Bumiputera bagi setiap lot kuota Bumiputera yang diluluskan untuk dilepaskan kepada bukan Bumiputera. Bermula pada 5 Jun 2015 pula, pemaju dikehendaki membayar kepada Kerajaan Negeri jumlah perbezaan antara Harga Pelancaran Bumiputera dan harga semasa yang dinilai oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta bagi setiap lot kuota Bumiputera yang dilepaskan. Bayaran sumbangan ini perlu dijelaskan oleh pemaju dalam tempoh 3 bulan daripada

tarikh keputusan MMKN dikeluarkan. Hanya lot-lot kuota Bumiputera yang telah 100% siap tetapi masih belum berjaya dijual walaupun telah dua kali diiklankan sahaja dipertimbangkan untuk pelepasan.

- b. Berdasarkan kepada Akaun Amanah Kuota Bumiputera bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 10 pemaju telah diluluskan untuk pelepasan 86 lot kuota Bumiputera melibatkan sejumlah RM3.73 juta bayaran sumbangan pelepasan seperti di **Jadual 2.5**. Daripada jumlah tersebut 12 lot telah diluluskan untuk dilepaskan pada tahun 2013, 18 lot diluluskan pada tahun 2014 dan 56 lot diluluskan pada tahun 2015.

**Jadual 2.5**  
**Bayaran Sumbangan Pelepasan Lot Kuota Bumiputera**  
**Yang Dikenakan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Kuota Bumiputera Yang Dilepaskan (Lot)	Sumbangan Dikenakan (RM Juta)
2013	12	-
2014	18	0.23
2015	56	3.50
<b>Jumlah</b>	<b>86</b>	<b>3.73</b>

Sumber: UPSUK

- c. Selain itu, pihak Audit mendapati dua pemaju telah membuat bayaran sumbangan melebihi tempoh tiga bulan daripada keputusan MMKN dikeluarkan iaitu lewat 90 hari dan 211 hari seperti di **Jadual 2.6**. Kelewatan ini disebabkan pihak pemaju menunggu keputusan rayuan pengurangan daripada pihak UPSUK.

**Jadual 2.6**  
**Bayaran Sumbangan Pemaju Dikemukakan Melebihi Tempoh 3 Bulan**  
**Daripada Tarikh Kertas MMKN Dikeluarkan**

Tarikh Kertas MMKN Dikeluarkan	Tarikh Sepatutnya Terima Sumbangan	Tarikh Sumbangan Diterima	Kelewatan (Hari)
6.5.2015	5.8.2015	4.11.2015	90
25.6.2014	24.9.2014	24.4.2015	211

Sumber: UPSUK

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tahun 2013 hingga 2015, pemaju dikenakan bayaran sumbangan keseluruhan berjumlah RM3.73 juta dan daripada jumlah tersebut sejumlah RM3.63 juta telah dijelaskan oleh pemaju dan baki RM0.10 juta masih belum dijelaskan oleh satu pemaju. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Prestasi Kutipan Bayaran Sumbangan Pelepasan Unit Kuota Bumiputera**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Jumlah Sumbangan (RM Juta)		
	Patut Diterima	Telah Diterima	Belum Diterima
2013	-		-
2014	0.23	0.13	0.10
2015	3.50	3.50	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>3.73</b>	<b>3.63</b>	<b>0.10</b>

Sumber: UPSUK

- e. Mengikut maklum balas yang diterima daripada UPSUK pada 23 Februari 2016, pemaju telah mengemukakan permohonan untuk membuat bayaran melebihi tempoh masa yang ditetapkan dan permohonan tersebut telah diluluskan sebelum ini. UPSUK juga memaklumkan bidang kuasa MMKN untuk mempertimbangkan dan memutuskan permohonan/rayuan pengurangan kadar bayaran sumbangan.

Pada pendapat Audit pengurusan kutipan bayaran sumbangan pelepasan lot kuota Bumiputera oleh pemaju adalah baik kerana 80% pemaju telah membuat bayaran sumbangan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 2.4.1.4. Tiada Mekanisme Pemantauan Jualan Lot Kuota Bumiputera

- a. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pemasaran dan jualan lot kuota Bumiputera yang telah diluluskan adalah dilaksanakan oleh pihak pemaju. Pihak Audit mendapati tiada mekanisme pemantauan disediakan oleh pihak PTGNS dan UPSUK untuk mengesahkan kesemua kuota yang ditetapkan telah dijual kepada Bumiputera. Pemaju juga tidak dikehendaki mengemukakan laporan jualan jualan lot-lot Bumiputera secara berkala menyebabkan status kuota Bumiputera bagi projek tidak dapat disahkan.
- b. Lawatan Audit terhadap 19 daripada 30 permohonan projek baru bagi tahun 2013 hingga Ogos 2015 di sekitar Daerah Seremban dan Daerah Tampin mendapati 9 projek masih dalam pembinaan dan 10 projek masih dalam proses kerja-kerja tanah. Semakan Audit mendapati hanya satu daripada 19 (5.3%) projek tersebut telah mengiklankan jualan lot kuota Bumiputera di tapak projek seperti di **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8**, dan satu projek (5.3%) telah mengiklankan jualan lot kuota Bumiputera di majalah/brosur seperti di **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10**. Manakala **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12** pula adalah antara pemaju yang tidak mengiklankan jualan lot kuota Bumiputera di tapak projek.

**Gambar 2.7**  
**Iklan Jualan Lot Kuota Bumiputera Di Susur Masuk Ke Tapak Projek**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Labu, Seremban  
Tarikh: 17 November 2015

**Gambar 2.8**  
**Tapak Projek Yang Masih Dalam Pembinaaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Labu, Seremban  
Tarikh: 17 November 2015



Completion: May 2017. Land: Free from Encumbrances. Tenure of Land: Freehold. Developer's License No.: 12408-7/09-2016/0974(L). Validity: 27/09/2014 – 26/09/2016. 4 – 26/09/2016. Approval Authority: Majlis Perbandaran Nilai. Building Plan Approval No.: MPN.431/1773/2013/2. Developed by: Sime Darby Ainsdale Development Sdn. Bhd., 47301 Petaling Jaya, Selangor. Selling Price: RM498,888 (min) – RM921,888 (max). 10% Bumiputra discount (Quota applies)

**Gambar 2.9**  
**Projek Yang Mengiklankan Jualan Lot Kuota Bumiputera Di Majalah**

Sumber: Majalah Explorer  
Terbitan: Ogos 2015



**Gambar 2.10**  
**Projek Yang Mengiklankan Jualan Lot Kuota Bumiputera Di Brosur**

Sumber: Brosur Pemaju



**Gambar 2.11**  
**Projek Yang Tidak Mengiklankan Jualan Lot Kuota Bumiputera Di Tapak Projek**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Enstek, Seremban  
Tarikh: 18 November 2015

**Gambar 2.12**  
**Projek Yang Tidak Mengiklankan Jualan Lot Kuota Bumiputera Di Tapak Projek**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seremban  
Tarikh: 18 November 2015

- c. **Mengikut maklum balas UPSUK pada 23 Februari 2016, transaksi jualan dan pemasaran akan dipantau dan menjadi keperluan setiap pemaju untuk melengkapkan maklumat jualan lot kuota Bumiputera serta bukan Bumiputera melalui Portal Perumahan Negeri Sembilan yang sedang dibangunkan.**

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap jualan unit kuota Bumiputera adalah kurang memuaskan disebabkan tiada syarat/kriteria khas ditetapkan oleh PTGNS atau UPSUK kepada pemaju dalam mengiklankan jualan perumahan bagi lot kuota Bumiputera.

#### 2.4.2. Hak Milik Kuota Bumiputera Tidak Dimasukkan Sekatan Kepentingan

**2.4.2.1.** Semakan Audit mendapati bagi mengekalkan pemilikan kuota Bumiputera, kesemua dokumen hak milik bagi kuota Bumiputera hendaklah dimasukkan sekatan kepentingan dalam hak milik iaitu "Tanah Ini Adalah Untuk Bumiputera Sahaja Dan Tidak Boleh Dipindah Milik Atau Dipajak Kepada Bukan Bumiputera Kecuali Dengan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri". Semakan Audit terhadap 1,976 carian melibatkan 15 daripada 30 projek yang didaftarkan antara tahun 2013 hingga Ogos 2015 mendapati 586 (29.7%) daripadanya merupakan hak milik kuota Bumiputera yang telah diluluskan.

**2.4.2.2.** Semakan Audit seterusnya terhadap hak milik kuota Bumiputera yang telah diluluskan itu mendapati 120 (20.5%) daripada 586 hak milik hanya mencatatkan sekatan kepentingan "Tanah Yang Diberimilik Ini Tidak Boleh Dipindahmilik, Dipajak, Digadai Melainkan Dengan Kebenaran Bertulis Daripada Pihak Berkuasa Negeri" dan tiada kenyataan hak milik Bumiputera seperti di **Gambar 2.13**. Selain itu 105 (17.9%) daripada hak milik tersebut tidak dimasukkan sekatan kepentingan dan hak milik Bumiputera seperti di **Gambar 2.14**. Jadual 2.8 adalah berkaitan dokumen hak milik bagi kuota Bumiputera dan catatan sekatan kepentingan.

**Gambar 2.13**  
**Hak Milik Hanya Menyatakan Sekatan Kepentingan**

Kordah Tanah NEGERI SEMBILAN JADUAL 10  
**CARIAN RASMI UNTUK KEGUNAAN RASMI**  
(Kanduh 385)  
Adalah diperakui bahawa suatu carian rasmii telah dibuat mengikut Seksyen 385, Kanun Tanah Negara berkenaan tanah berikut :

Jenis dan No. Hakmilik	: [REDACTED]	Nombor Lot	: [REDACTED]
Banda/Pekan/Mukim	: Pekan Seremang	Tempat	: KAWALAN INDUSTRI SENAWANG
Keluasan	: 2325 Meter Perseggi	Darah	: Seremang
Nombor Syif Piala	: 56-A-IV	Nombor Pelan Akta	: [REDACTED]
Tarikh Pegangan (Selain daripada akta pegangan)	: Tajukkan 88 tahun	Tarikh Loput Pajakan (Jika Berkenaan)	: 15 Januari 2103
Kawasan Rizab (Jika Berkenaan)	: Tiada		
Tarikh Daftar	: 16 Januari 2015	Cukai Tanah	: RM977.00

Bahawa pada tarikh dan waktu perakuan ini dikeluarkan, butir-butir tanah tersebut adalah seperti berikut :

Kategori Kegunaan Tanah	: Bangunan
Syarat Nyata	: Tanah ini hendaklah digunakan untuk bangunan perniagaan (nrafa) sahaja.
Sekatan Kepentingan	: Tanah yang diberikan ini tidak boleh dipindahmakaik, dipajak, digedal sebaiknya dengan keterangan berlepas daripada Pihak Berkasaran Negara

Tanggungan dan endosan-endosan lain :

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN  
Urusan-urusan dalam Perserahan yang belum didaftarkan : Tiada

Hakmilik  
Maklumat : 050507HS00030407  
Tarikh : 23/11/2015

Sumber: PTGNS

**Gambar 2.14**  
**Hak Milik Tidak Menyatakan Sekatan Kepentingan Dan Pemilikan Bumiputera**

Kordah Tanah NEGERI SEMBILAN JADUAL 10  
**CARIAN RASMI UNTUK KEGUNAAN RASMI**  
(Kanduh 385)  
Adalah diperakui bahawa suatu carian rasmii telah dibuat mengikut Seksyen 385, Kanun Tanah Negara berkenaan tanah berikut :

Jenis dan No. Hakmilik	: [REDACTED]	Nombor Lot	: [REDACTED]
Banda/Pekan/Mukim	: Mukim Seremban	Tempat	: [REDACTED]
Keluasan	: 334.5 Meter Perseggi	Darah	: Seremban
Nombor Syif Piala	: 46-C-I	Nombor Pelan Akta	: [REDACTED]
Tarikh Pegangan (Selain daripada akta pegangan)	: Selama-lamanya	Tarikh Loput Pajakan (Jika Berkenaan)	: [REDACTED]
Kawasan Rizab (Jika Berkenaan)	: Tiada		
Tarikh Daftar	: 13 Mei 2015	Cukai Tanah	: RM911.00

Bahawa pada tarikh dan waktu perakuan ini dikeluarkan, butir-butir tanah tersebut adalah seperti berikut :

Kategori Kegunaan Tanah : Bangunan  
Syarat Nyata : Tanah ini hendaklah digunakan untuk bangunan kediaman sahaja  
Sekatan Kepentingan : **TIADA**

Pemilikan dan Alamat :  
Terletak di bawah Akta Syarikat 1965., 1/1 Bahagian

Tanggungan dan endosan-endosan lain :

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN  
Urusan-urusan dalam Perserahan yang belum didaftarkan : Tiada

Hakmilik : 050507HS00030407  
Maklumat : 1 | 1  
Tarikh : 23/11/2015

Sumber: PTGNS

**Jadual 2.8**  
**Hak Milik Kuota Bumiputera Tidak Dimasukkan Sekatan Kepentingan**

Bil.	No. Fail PTG	Sekatan Kepentingan Dan Hak Milik Bumiputera (Lot)	Sekatan Kepentingan Sahaja (Lot)	Tiada Sekatan Kepentingan Dan Hak Milik Bumiputera (Lot)	Jumlah (Lot)
1	PTG.NS 1/1/1/3937	53	-	1	54
2	PTG.NS 1/1/1/4172	20	-	1	21
3	PTG.NS 1/1/1/4155	73	-	2	75
4	PTG.NS 1/1/1/4082	-	-	4	4
5	PTG.NS 1/1/1/4096	-	-	16	16
6	PTG.NS 1/1/1/3958	-	-	60	60
7	PTG.NS. 1/1/1/4233	-	11	-	11
8	PTG.NS 1/1/1/4232	-	109	-	109
9	PTG.NS 1/1/1/4221	-	-	21	21
10	PTG.NS 1/1/1/4045	16	-	-	16
11	PTG.NS 1/1/1/3945	23	-	-	23
12	PTG.NS 1/1/1/4241	2	-	-	2
13	PTG.NS 1/1/1/4317	10	-	-	10
14	PTG.NS 1/1/1/4290	37	-	-	37
15	PTG.NS 1/1/1/4183	127	-	-	127
<b>Jumlah</b>		<b>361</b>	<b>120</b>	<b>105</b>	<b>586</b>

Sumber: PTGNS

**2.4.2.3.** Semakan Audit terhadap 32 hak milik lot Bumiputera yang telah diluluskan pelepasan pula mendapati semua hak milik tersebut telah dicatatkan sekatan kepentingan bagi Bumiputera sebagaimana peraturan.

**2.4.2.4. Mengikut maklum balas semasa *Exit Conference* pada 15 Februari 2016, pihak PTGNS akan memastikan sekatan kepentingan dinyatakan di masa akan datang. Pihak PDT Seremban pula menjelaskan tiada surat arahan untuk memasukkan sekatan kepentingan dikeluarkan kepada Pejabat Tanah Daerah dan**

beliau memohon agar pihak PTGNS mengeluarkan surat arahan kepada semua Pentadbir Tanah untuk memasukkan sekatan kepentingan ini. PTGNS mengambil maklum cadangan tersebut dan akan mengeluarkan pekeliling baru untuk kerja-kerja kemasukan sekatan kepentingan lot-lot Bumiputera.

Pada pendapat Audit, sekatan kepentingan pada dokumen hak milik bagi kuota Bumiputera adalah masih kurang memuaskan kerana hanya 61.6% telah dimasukkan sekatan kepentingan dan hak milik bumiputera.

#### 2.4.3. Pengurusan Akaun Amanah

**2.4.3.1.** Akaun Amanah Kuota Bumiputera telah ditubuhkan pada 1 April 2012 bertujuan untuk menerima bayaran perkhidmatan daripada pemaju dalam bentuk bayaran pendaftaran dan komisen daripada penjualan lot Bumiputera. Sumber kewangan akaun ini antaranya adalah bayaran pendaftaran oleh pemaju yang ingin memohon pelepasan kuota Bumiputera, bayaran sumbangan pelepasan kuota Bumiputera dan terimaan lain yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri. Wang dalam akaun ini hanya boleh digunakan bagi tujuan membiayai kos pentadbiran pengurusan termasuk emolumen pegawai/kakitangan tambahan yang dilantik untuk tujuan pengurusan pelaksanaan kuota Bumiputera dan untuk membeli lot kuota Bumiputera yang tidak dapat dijual dalam tempoh yang ditetapkan.

**2.4.3.2.** UPSUK telah menyelenggara Akaun Amanah Kuota Bumiputera bagi menguruskan segala terimaan dan perbelanjaan bagi pengurusan perumahan kuota Bumiputera. Baki Akaun Amanah pada tahun 2013 hingga 2015 adalah masing-masing berjumlah RM3.97 juta, RM3.94 juta dan RM6.92 juta seperti di **Jadual 2.9**.

**Jadual 2.9**  
**Baki Akaun Amanah Kuota Bumiputera**

Perkara	Baki Pada Tahun (RM Juta)		
	2013	2014	2015
Baki Awal Tahun	4.01	3.97	3.94
Terimaan	0.01	0.02	4.20
Perbelanjaan	0.05	0.05	1.22
<b>Baki Akhir Tahun</b>	<b>3.97</b>	<b>3.94</b>	<b>6.92</b>

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran Akaun Amanah

**2.4.3.3.** Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2013 hingga 2015, UPSUK tidak membuat kutipan bayaran pendaftaran RM5,000 bagi setiap projek yang didaftarkan untuk pelepasan kuota Bumiputera oleh pemaju sebagaimana kehendak Arahan Amanah. Bagaimanapun tiada perbelanjaan untuk membeli lot kuota Bumiputera yang dilakukan dalam tempoh tersebut walaupun sebanyak 86 lot kuota Bumiputera telah dilepaskan.

**2.4.3.4. Mengikut maklum balas UPSUK pada 16 Mac 2016, MMKN pada 30 Disember 2005 telah menetapkan jumlah kutipan bayaran pendaftaran projek sebanyak RM1,000 sahaja. Pindaan terhadap Arahan Amanah juga telah dibuat pada 14 Mac 2016 dengan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dan Arahan Amanah yang bertarikh 23 Mac 2012 adalah dibatalkan.**

Pada pendapat Audit, Akaun Amanah Kuota Bumiputera sepatutnya digunakan untuk membeli lot-lot kuota Bumiputera yang tidak dapat dijual oleh pemaju supaya kuota 30% pemilikan Bumiputera tercapai.

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan perumahan kuota Bumiputera, adalah disyorkan supaya Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) dan Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (UPSUK) mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

**2.5.1.** PTGNS selaku urus setia pengurusan perumahan kuota Bumiputera perlu menyediakan rekod bagi memantau pemilikan kuota Bumiputera. Selain itu, pemaju juga hendaklah disyaratkan untuk mengemukakan laporan jualan secara berkala bagi mengemas kini status lot Bumiputera yang telah diluluskan bagi setiap projek.

**2.5.2.** UPSUK perlu menetapkan kriteria/syarat kepada pemaju mengiklankan jualan rumah bagi lot kuota Bumiputera dengan lengkap sebelum kelulusan pelepasan kuota Bumiputera diberi serta memastikan pemaju membayar sumbangan dalam tempoh yang ditetapkan.

**2.5.3.** PTGNS perlu memastikan setiap dokumen hak milik kuota Bumiputera dimasukkan sekatan kepentingan bagi mengekalkan pemilikan setiap lot kuota Bumiputera.

---

## **MAJLIS DAERAH KUALA PILAH**

## **MAJLIS DAERAH JELEBU**

---

### **3. PENGURUSAN PEROLEHAN**

#### **3.1. LATAR BELAKANG**

**3.1.1.** Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) dan Majlis Daerah Jelebu (MDJ) adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara matlamat utama PBT ini adalah menyedia dan menyenggarakan kemudahan dan infrastruktur awam serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam untuk masyarakat setempat. Bagi mencapai objektif ini, MDKP dan MDJ antaranya perlu melaksanakan perolehan meliputi bekalan, perkhidmatan dan kerja mengikut kaedah perolehan secara pembelian terus, sebut harga, atau tender dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis. Peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah disalurkan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Tatacara Perolehan PBT adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa.

**3.1.2.** Pada tahun 2013 hingga 2015, MDKP dan MDJ telah melaksanakan perolehan kerja dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM29.04 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 271 perolehan kerja dan perkhidmatan yang berjumlah RM23.86 juta dilaksanakan melalui kaedah sebut harga, manakala sebanyak 1,904 perolehan bekalan dan perkhidmatan berjumlah RM5.18 juta dilaksanakan melalui kaedah pembelian terus serta tiada perolehan melalui kaedah tender. Kaedah pelaksanaan perolehan dan kos yang dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

<b>Jadual 3.1</b>							
<b>Bilangan Dan Jumlah Perolehan Di MDKP Dan MDJ Bagi Tahun 2013 Hingga 2015</b>							
<b>PBT</b>	<b>Tahun</b>	<b>Pembelian Terus</b>		<b>Sebut Harga</b>		<b>Jumlah (Bil.)</b>	<b>Jumlah (RM Juta)</b>
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)		
<b>MDKP</b>	2013	250	0.33	48	4.65	298	4.98
	2014	352	0.28	52	6.22	404	6.50
	2015	391	0.86	22	3.44	413	4.30
<b>Jumlah</b>		<b>993</b>	<b>1.47</b>	<b>122</b>	<b>14.31</b>	<b>1,115</b>	<b>15.78</b>
<b>MDJ</b>	2013	297	1.09	34	2.27	331	3.36
	2014	285	1.09	66	4.79	351	5.88
	2015	329	1.53	49	2.49	378	4.02
<b>Jumlah</b>		<b>911</b>	<b>3.71</b>	<b>149</b>	<b>9.55</b>	<b>1,060</b>	<b>13.26</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,904</b>	<b>5.18</b>	<b>271</b>	<b>23.86</b>	<b>2,175</b>	<b>29.04</b>

Sumber: MDKP Dan MDJ

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di MDKP dan MDJ telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai matlamatnya serta mematuhi undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan secara sebut harga dan pembelian terus di MDKP dan MDJ bagi tahun 2013 hingga 2015. Pihak Audit telah memilih sampel bagi 90 perolehan pembelian terus bagi MDKP dan MDJ, 4 dan 2 perolehan bermasa serta 36 dan 38 perolehan sebutharga termasuk 10 perolehan kerja masing-masing di MDKP dan MDJ untuk semakan lanjut bagi meneliti elemen pengurusan serta pematuhan spesifikasi dan peraturan. Temu bual turut dilakukan dengan pegawai yang bertanggungjawab. *Exit Conference* bersama Yang DiPertua MDKP dan Yang DiPertua MDJ telah diadakan masing-masing pada 15 dan 17 Februari 2016.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati pada keseluruhannya pengurusan perolehan di kedua-dua Majlis adalah baik di mana 91.5% perolehan di MDKP dan 86.9% perolehan di MDJ telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan seperti telah membuat kajian pasaran dalam perolehan, Jawatankuasa Sebut Harga diwujudkan dan perolehan dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. Selain itu, 100% pelaksanaan projek yang disemak bagi tempoh 2013 hingga 2015 berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti:

- Bil lewat dibayar dan perolehan pembelian terus melebihi had ditetapkan.
- Perolehan 2 unit tandas serta 6 kios bagi peralatan dan kelengkapan penjaja bergerak untuk Program Pembasmian Kemiskinan Bandar tidak digunakan.
- Perolehan projek di taman permainan, laluan pejalan kaki dan kerja yang telah siap dilaksanakan tidak disenggarakan.

#### **3.4.1. Prestasi Perolehan**

**3.4.1.1.** Bagi tahun 2013 hingga 2015, MDKP dan MDJ masing-masing telah menerima peruntukan sejumlah RM16.38 juta dan RM14.93 juta daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis. Bagi tempoh tersebut, prestasi perbelanjaan perolehan secara keseluruhan di MDKP dan MDJ adalah baik iaitu masing-masing sebanyak 96.3% dan 88.8% pada peruntukan yang diterima.

**3.4.1.2.** Bagi tahun 2013 hingga 2015, MDKP dan MDJ masing-masing telah membuat 1,115 dan 1,060 perolehan bernilai RM15.78 juta dan RM13.26 juta melalui kaedah perolehan secara pembelian terus dan sebut harga. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 993 atau 89.1% perolehan di MDKP adalah melalui kaedah pembelian terus yang melibatkan RM1.47 juta atau 9.3% daripada jumlah perbelanjaan. Bagi kaedah sebut harga pula, sebanyak 122 atau 10.9% perolehan berjumlah RM14.31 juta atau 90.7% telah dibelanjakan. Manakala, bagi MDJ pula sebanyak 911 atau 85.9% perolehan berjumlah RM3.71 juta atau 28% daripada jumlah perbelanjaan adalah melalui kaedah pembelian terus dan 149 atau 14.1% perolehan berjumlah RM9.55 juta atau 72.0% perbelanjaan adalah melalui kaedah sebut harga. Butiran lanjut bilangan perolehan dan perbelanjaan mengikut kaedah perolehan adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Kaedah Perolehan MDKP Dan MDJ Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

PBT	Kaedah Perolehan	Bilangan Perolehan	Peratus (%)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
MDKP	Pembelian Terus	993	89.1	1.47	9.3
	Sebut Harga	122	10.9	14.31	90.7
<b>Jumlah</b>		<b>1,115</b>	<b>100</b>	<b>15.78</b>	<b>100</b>
MDJ	Pembelian Terus	911	85.9	3.71	28.0
	Sebut Harga	149	14.1	9.55	72.0
<b>Jumlah</b>		<b>1,060</b>	<b>100</b>	<b>13.26</b>	<b>100</b>

Sumber: MDKP Dan MDJ

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan di MDKP dan MDJ adalah baik iaitu masing-masing sebanyak 96.3% dan 88.8% peruntukan yang diterima telah dibelanjakan. Selain itu, peruntukan diterima bagi kedua-dua PBT juga telah diperoleh menggunakan kaedah sebut harga berbanding pembelian terus masing-masing 90.7% dan 72.0% daripada keseluruhan perbelanjaan.**

### **3.4.2. Proses Perolehan**

Semua perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan melalui kaedah pembelian terus, sebut harga dan tender berdasarkan had nilai dan peraturan yang telah ditetapkan. Dalam melaksanakan perolehan yang telah dirancang, MDKP dan MDJ telah menerima pakai kaedah perolehan sebagaimana kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Perbendaharaan, 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) serta Pekeliling dan Surat Pekeliling berkaitan pengurusan perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Pejabat Kewangan Negeri dari semasa ke semasa. Secara keseluruhannya, 96.2% (125 daripada 130) perolehan di MDKP dan 86.9% (113 daripada 130) perolehan di MDJ telah dibuat mengikut tatacara perolehan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap perolehan secara pembelian terus dan sebut harga mendapati MDKP dan MDJ telah membuat kajian pasaran dalam membuat perolehan, memberi keutamaan kepada barang tempatan serta perolehan dibuat oleh pegawai yang telah diberikan kuasa secara bertulis kecuali perkara berikut:

### 3.4.2.1. Bil Lewat Dibayar

- a. Berdasarkan AP 103(a), Ketua Jabatan hendaklah memastikan bil dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna. Semakan Audit mendapati 3 bil berjumlah RM14,254 di MDJ telah lewat dibayar antara 15 hingga 49 hari dan tiada kuiri direkodkan seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Bayaran Bil Melebihi 14 Hari Di MDJ Bagi Tahun 2013 Dan 2015**

Bil.	Perihal Bil	Jumlah (RM)	Tarikh Bil Diterima	Tarikh Sepatut Dibayar	Tarikh Bayaran	Tempoh Kelewatan (Hari)
1	Selenggara & Membaiki Kenderaan Majlis (NCK 4461)	4,000	13.5.2013	3.6.2013	13.8.2013	49
2	Pembelian <i>Key Chain &amp; Car Metal Crest</i>	5,300	5.2.2013	26.2.2013	5.4.2013	29
3	Pembelian Barang & Peralatan Untuk Kegunaan Bah. Kejuruteraan	4,954	7.5.2013	28.5.2013	18.6.2013	15
<b>Jumlah</b>		<b>14,254</b>				

Sumber: MDJ

- b. **Mengikut maklum balas MDJ bertarikh 24 Februari 2016, bil-bil tersebut lewat dibayar kerana dokumen tidak lengkap menyebabkan ia dikembalikan semula kepada Bahagian yang berkenaan untuk dilengkapkan. Bahagian Kewangan MDJ ambil maklum perkara ini dan tindakan penambahbaikan akan diambil.**

### 3.4.2.2. Nilai Perolehan Pembelian Terus Melebihi Had Ditetapkan

- a. Mengikut AP 173.1, kaedah perolehan bekalan/perkhidmatan secara pembelian terus adalah melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000. Semakan Audit mendapati perolehan membekal dan menjahit pakaian seragam dan kasut bagi kakitangan MDJ pada tahun 2015 berjumlah RM29,190 serta perolehan memasang papan tanda pada tahun 2014 berjumlah RM54,612 telah melebihi had pembelian terus yang ditetapkan dan tidak dibuat secara sebut harga seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Perolehan Pembelian Terus Bagi Tahun 2014 Dan 2015 Melebihi Had Ditetapkan**

No. Baucar Bayaran	Tarikh Baucar Bayaran	Perihal	Jumlah (RM)
A000792	28.9.2015	Membekal Dan Menjahit Pakaian Seragam Dan Kasut Untuk Kakitangan MDJ.	29,190
<b>Jumlah</b>			<b>29,190</b>
A001078	19.11.2014	Projek Kerja-kerja Membekal Dan Memasang Papan Tanda Agensi Kerajaan Daerah Jelebu (1)	13,748
		Projek Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Papan Tanda Agensi Kerajaan Daerah Jelebu ( 2)	13,748
		Projek Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Papan Tanda Institusi Pendidikan Daerah Jelebu	12,304
		Projek Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Papan Tanda Pelancongan Daerah Jelebu	14,812
<b>Jumlah</b>			<b>54,612</b>

Sumber: MDJ

- b. **Mengikut maklum balas MDJ bertarikh 24 Februari 2016, pihaknya ambil maklum akan kesilapan membuat perolehan pembelian terus melebihi had ditetapkan. Tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan bagi mengelakkan ia berulang.**

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan berkaitan proses perolehan di MDKP dan MDJ adalah baik kecuali beberapa kes berlakunya ketidakpatuhan kepada peraturan tertentu yang ditetapkan.

### 3.4.3. Perolehan Kerja/Projek

Perolehan kerja/projek perlulah disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengikut spesifikasi yang terkandung dalam dokumen kontrak. Semakan Audit terhadap 36 dan 38 fail projek melibatkan perolehan 74 projek masing-masing di MDKP dan MDJ mendapati kesemuanya telah berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan termasuk 19 daripadanya siap dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Status pelaksanaan projek di MDKP dan MDJ bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Status Pelaksanaan Projek Di MDKP Dan MDJ**  
**Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015**

PBT	Jumlah Sampel Projek	Jumlah Kos Projek (RM Juta)	Status Projek	
			Siap Dalam Tempoh	Siap Dengan Lanjutan Masa
MDKP	36	6.47	27	9
MDJ	38	5.50	28	10
<b>Jumlah</b>	<b>74</b>	<b>11.97</b>	<b>55</b>	<b>19</b>

Sumber: MDKP Dan MDJ

### **3.4.3.1. Projek Siap Tidak Digunakan**

Projek yang telah siap hendaklah digunakan bagi memastikan ianya tidak mendatangkan pembaziran dan objektif perolehan dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran. Lawatan Audit pada 10 Disember 2015 terhadap 10 projek MDJ mendapati 2 perolehan projek tidak digunakan seperti berikut:

#### **a. Projek Menaik Taraf Hutan Lipur Jeram Toi**

- i. Projek menaik taraf Hutan Lipur Jeram Toi terdiri daripada komponen 2 unit tandas awam, tempat letak kereta, wakaf, laluan pejalan kaki dan tempat duduk dengan kos berjumlah RM232,510. Projek ini telah siap pada 4 September 2013 dengan lanjutan masa (EOT) selama 58 hari daripada tarikh patut siap 1 Julai 2013. Lawatan Audit mendapati 2 unit tandas awam berkunci dan tidak pernah digunakan sejak ianya siap dibina pada 4 September 2013.
- ii. **Mengikut maklum balas MDJ bertarikh 24 Februari 2016, pihak MDJ tidak membuka tandas tersebut lagi operator belum dilantik bagi mengelakkan kerosakan melalui perbuatan vandalisme. Iklan bagi tawaran operator telah dibuat tetapi tiada yang memohon. Permohonan hanya diterima pada September 2015 dan pemohon telah dilantik bagi mengendalikan tandas berkenaan berkuat kuasa 1 Februari 2016.**

#### **b. Pembekalan Kios, Peralatan Dan Kelengkapan Penjaja Bergerak Bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar**

- i. Peruntukan perolehan pembekalan kios, peralatan dan kelengkapan penjaja bergerak bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar bagi tahun 2013 dan 2015 berjumlah RM80,900 diterima daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Jenis perniagaan yang akan dijalankan oleh peserta adalah pilihan peserta sendiri manakala lokasi perniagaan ditetapkan oleh MDJ. Perjanjian akan ditamatkan oleh MDJ apabila syarat tidak dipatuhi oleh peserta atau peserta telah memberhentikan operasi perniagaannya.
- ii. Pihak Audit mendapati sebanyak 8 kios telah diperoleh oleh MDJ pada tahun 2013 dan 2015. Semakan Audit mendapati sebanyak 3 daripada 5 kios yang diperoleh pada tahun 2013 telah diambil semula oleh MDJ daripada peniaga disebabkan peniaga telah mengubah lokasi dan tidak memulakan perniagaan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh perjanjian dan tidak menjalankan perniagaan 7 hari berturut-turut tanpa kebenaran Majlis. Manakala, sebanyak 3 kios telah diperoleh tahun 2015, kesemua peserta telah menarik diri kerana tidak bersetuju dengan cadangan lokasi yang ditentukan oleh MDJ dan semua kios tersebut telah diambil semula oleh MDJ tetapi belum diagihkan kepada peniaga

lain. Kios tersebut telah disimpan di tempat yang terbuka seperti di parkir awam Pekan Kuala Klawang dan lot parkir pejabat MDJ seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

**Gambar 3.1**

**3 Unit Kios Yang Tidak Digunakan Disimpan Di Lot Parkir Awam Pekan Kuala Klawang (Perolehan Tahun 2013)**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Parkir Awam, Pekan Kuala Klawang

Tarikh: 10 Disember 2015

**Gambar 3.2**

**3 Unit Kios Yang Tidak Digunakan Disimpan Di Lot Parkir Pejabat MDJ (Perolehan Tahun 2015)**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Parkir Pejabat, Majlis Daerah Jelebu

Tarikh: 10 Disember 2015

- iii. **Mengikut maklum balas MDJ bertarikh 24 Februari 2016, Mesyuarat Focus Group Daerah Jelebu telah diadakan pada 19 Februari 2016 dan senarai peserta gantian telah dipilih dan akan dihantar ke KPKT untuk kelulusan. Selain itu, kios yang diletakkan di kawasan parkir Pekan Kuala Klawang telah dipindahkan ke kawasan pejabat MDJ.**

#### **3.4.3.2. Perolehan Yang Tidak Disenggarakan**

Setiap perolehan yang dilaksanakan perlulah disenggarakan dan dipantau keadaannya agar kerosakan yang serius tidak berlaku dan dapat mengelakkan pembaziran di mana pembaikan yang sama berulang setiap tahun. Lawatan Audit terhadap 10 projek MDKP bernilai RM1.91 juta dan 10 projek MDJ bernilai RM2.21 juta mendapati beberapa masalah dari segi penyenggaraan seperti berikut:

##### **a. Kerosakan Peralatan Di Taman Permainan Kanak-Kanak**

- i. Sebanyak 2 projek membaik pulih, mengganti dan menyenggara taman permainan kanak-kanak di Taman Bukit Pilah Perdana dengan kos berjumlah RM108,500 (tahun 2013) dan taman seliaan MDKP (Taman Wira Jaya, Taman Desa Melang 2 dan Taman Sri Ulu Bendul) berjumlah RM89,936 bagi tahun 2014 telah mengalami kerosakan pada alat permainan kanak-kanak dan kemudahan awam seperti di **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.6**.

**Gambar 3.3**

**Kerosakan Pada Buaian Dan Kerusi Rehat**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Bukit Pilah Perdana, Kuala Pilah

Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 3.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Bukit Pilah Perdana, Kuala Pilah

Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 3.5**

**Kehilangan Alat Permainan Buaian**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Sri Ulu Bendul, Kuala Pilah

Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 3.6**

**Kehilangan Alat Permainan Buaian**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Desa Melang 2, Kuala Pilah Tarikh:

Tarikh: 8 Disember 2015

- ii. Selain itu, lawatan Audit ke taman permainan kanak-kanak di Taman Pemarak di bawah seliaan dan penyenggaraan MDKP mendapati ianya terletak berhampiran longkang yang tidak bertutup, keluasan terhad, tiang elektrik dan tiang telefon yang condong seperti di **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.10**. Keadaan ini sangat merbahaya terhadap keselamatan kanak-kanak dan berisiko mengundang berlakunya kemalangan dan kecederaan.

**Gambar 3.7**  
**Kedudukan Buaiian Berhampiran Longkang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Pemarak, Kuala Pilah  
Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 3.8**  
**Taman Permainan Dibina Dalam Keluasan Terhad**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Pemarak, Kuala Pilah  
Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 3.9**  
**Tiang Elektrik Dan Telefon Condong**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Pemarak, Kuala Pilah  
Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 3.10**  
**Wayar Penyokong Tiang Telefon Merentangi Kawasan Taman Permainan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Pemarak, Kuala Pilah  
Tarikh: 8 Disember 2015

- iii. Mengikut maklum balas MDKP bertarikh 15 Februari 2016, pihaknya ada membuat rondaan dan pemantauan terhadap taman-taman permainan di bawah seliaannya. Bagaimanapun, kerosakan masih berlaku disebabkan perbuatan vandalisme daripada pihak yang tidak bertanggungjawab. Bagi membaiki kerosakan, MDKP telah memohon peruntukan penyenggaraan kepada Jabatan Lanskap Negara pada 16 Jun 2015 tetapi belum ada peruntukan disalurkan kepada MDKP sehingga akhir tahun 2015. Manakala, Taman Pemarak adalah rumah rakyat yang telah diserahkan kepada MDKP dan taman permainan kanak-kanak tersebut telah sedia ada semasa penyerahan tersebut. Pihak MDKP hanya melaksanakan penyenggaraan sahaja. Bagaimanapun, MDKP bersetuju untuk menutup longkang tersebut dengan penutup longkang konkrit mudah alih. MDKP juga akan berbincang dengan pihak Telekom supaya wayar penyokong tiang telefon yang

merentangi kawasan taman permainan dapat dialihkan ke tempat yang lebih sesuai.

b. Lantai (*EDPM Seamless Floor*) Mudah Merekah Dan Terkoyak

- i. Lawatan Audit ke projek menaik taraf kawasan permainan di Taman Bukit Kempas dengan kos bernilai RM0.25 juta yang siap pada bulan Disember 2014 mendapati kerosakan pada lantai set utama taman permainan kanak-kanak iaitu EDPM *Seamless Flooring* bercorak seperti di **Gambar 3.11** dan **Gambar 3.12**. Ketebalan EDPM adalah berbeza bagi setiap warna di mana ketebalan warna hitam adalah kurang daripada 10 mm, warna kuning 20 mm dan hijau 40 mm seperti di **Gambar 3.13** hingga **Gambar 3.15**. EDPM *Seamless Floor* ini didapati mudah terkoyak, merekah serta tidak melekat pada lantai konkrit seperti di **Gambar 3.16**. Semakan lanjut mendapati spesifikasi bagi EDPM *Seamless Flooring* dinyatakan secara umum di dalam dokumen kerja dan tidak memperincikan mengenai ketebalan bahan tersebut. Keadaan lantai ini boleh menyebabkan risiko berlakunya kemalangan kepada pengguna terutama kanak-kanak.

**Gambar 3.11**  
Sebahagian Projek Naik Taraf Kawasan Permainan Kanak-kanak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan Kanak-Kanak, Taman Bukit Kempas, Jelebu  
Tarikh: 10 Disember 2015

**Gambar 3.12**  
Kerosakan EDPM *Seamless Flooring* Bercorak Pada Lantai Set Permainan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan Kanak-Kanak, Taman Bukit Kempas, Jelebu  
Tarikh: 10 Disember 2015

**Gambar 3.13**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan Kanak-Kanak, Taman Bukit Kempas, Jelebu  
Tarikh: 10 Disember 2015

**Gambar 3.14**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan Kanak-Kanak, Taman Bukit Kempas, Jelebu  
Tarikh: 10 Disember 2015

**Gambar 3.15**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan Kanak-Kanak, Taman Bukit Kempas, Jelebu  
Tarikh: 10 Disember 2015



**Gambar 3.16**  
**Mudah Terkoyak Dan Tidak Melekat Pada Lantai Konkrit**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Permainan Kanak-Kanak, Taman Bukit Kempas, Jelebu  
Tarikh: 10 Disember 2015

- ii. Mengikut maklum balas MDJ bertarikh 17 Februari 2016, kerosakan lantai EDPM adalah disebabkan faktor cuaca dan vandalisme. Selain itu, ia mempunyai ketebalan yang berbeza kerana kerja pemasangan lantai tersebut dibuat pada musim hujan dan banjir menyebabkan kontraktor meninggikan konkrit di kawasan tengah dan merendahkan konkrit di sekeliling lantai supaya air diserap di kawasan hujung.

### c. Kerosakan Di Laluan Pejalan Kaki

- i. Kerja-kerja menaik taraf Medan Selera Bandar Kuala Pilah bagi Program Penjaja 1Malaysia dengan kos berjumlah RM164,339 telah dimulakan pada 1 Oktober 2014 dan siap pada 18 Disember 2014 dengan kelulusan 2 kali EOT (sepatut siap 11 November 2014). Perakuan Siap Kerja telah diperoleh pada 26 Disember 2014 dengan tempoh kecacatan selama setahun mulai 19 Disember 2014 hingga 18 Disember 2015.
- ii. Lawatan Audit pada 8 Disember 2015 mendapat terdapat kerosakan pada salah satu komponen projek iaitu laluan pejalan kaki di Medan Selera Bandar Kuala

Pilah. Pemerhatian Audit mendapati sebahagian laluan tersebut telah retak dan pecah seperti di **Gambar 3.17**. Selain itu, semasa lawatan Audit, tempoh kecacatan (*Defect Liability Period*) bagi projek tersebut hanya mempunyai baki 10 hari.

- iii. **Mengikut maklum balas MDKP bertarikh 15 Februari 2016, punca kerosakan tersebut berlaku disebabkan kualiti bahan yang digunakan untuk konkrit dan pebble wash tidak menepati spesifikasi yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, tindakan pembaikan oleh kontraktor telah dilakukan seperti di Gambar 3.18.**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Bandar Kuala Pilah  
Tarikh: 8 Disember 2015



Sumber: Majlis Daerah Kuala Pilah  
Lokasi: Medan Selera Bandar Kuala Pilah  
Tarikh: 11 Februari 2016

#### d. Perolehan Kerja Yang Telah Siap Tidak Disenggarakan

Lawatan Audit seterusnya ke projek menaik taraf longkang di Taman Berlian, Kuala Klawang, Jelebu dengan kos berjumlah RM97,000 yang telah siap pada 13 Mei 2013 mendapati tiada penyenggaraan dibuat pada longkang dan tembok penahan yang telah dibina menyebabkan pokok dan semak tumbuh meliar sehingga menutupi longkang dan sebahagian tembok penahan tersebut seperti di **Gambar 3.19** dan **Gambar 3.20**. **Mengikut maklum balas MDJ bertarikh 24 Februari 2016, menurut pelan pembangunan Taman Berlian, kawasan ini adalah rizab parit dan di bawah penyenggaraan pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran. Oleh kerana tiada Jabatan yang mengaku bertanggungjawab, kawasan ini telah dicadangkan menjadi grey area dan dimasukkan di bawah Program Gerak Kerja Pembersihan Bersepadu Longkang Monsoon di Negeri Sembilan 2016 (NBOS) untuk Spring Cleaning yang diterajui oleh UPEN dan seterusnya akan diserahkan kepada Southern Waste Management Enterprise untuk penyenggaraan berkala.**

**Gambar 3.19**  
**Semak Dan Pokok-Pokok Tumbuh Meliar Sehingga Menutupi Longkang**  
**Dan Tembok Penahan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Berlian, Kuala Klawang, Jelebu  
Tarikh: 10 Disember 2015

**Gambar 3.20**  
**Semak Dan Pokok-Pokok Tumbuh Meliar Sehingga Menutupi Longkang**  
**Dan Tembok Penahan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Berlian, Kuala Klawang, Jelebu  
Tarikh: 10 Disember 2015

Pada pendapat Audit, penyenggaraan dan pemantauan terhadap perolehan bagi projek yang telah siap di MDKP dan MDJ adalah kurang memuaskan kerana terdapat projek yang tidak digunakan, bahan digunakan kurang berkualiti, peralatan rosak dan projek tidak disenggarakan.

### 3.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) dan Majlis Daerah Jelebu (MDJ) mengambil tindakan seperti berikut:

**3.5.1.** Memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan berkaitan perolehan yang berkuat kuasa.

**3.5.2.** Memastikan perolehan yang dibuat telah digunakan dan dimanfaatkan oleh golongan sasar supaya tidak berlaku pembaziran. Pada masa yang sama aset-aset tersebut juga perlu disenggarakan dari semasa ke semasa supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.





---

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN/AGENSI

NEGERI

---



---

## **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

---

### **4. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

#### **4.1. PENDAHULUAN**

**4.1.1.** Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**4.1.2.** Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

#### **4.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI**

Usaha berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

**4.2.1.** Bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri secara berterusan telah melaksanakan program Pengauditan Kendiri (*Self Auditing*) secara dalam talian melalui Sistem RatingNS yang boleh dicapai melalui laman sesawang <http://publicapps.ns.gov.my>. Pada tahun 2015, sebanyak 4 siri Pengauditan Kendiri pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan ke atas 6 Jabatan dan satu Agensi di daerah pada 14 hingga 30 September 2015 seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Pelaksanaan Program Pengauditan Kendiri (*Self-Auditing*)**  
**Pemeriksaan Mengejut Di Jabatan/Agensi Tahun 2015**

Siri	Agensi
Siri 1: 14 - 30 September 2015	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Pejabat Agama Islam Daerah
Siri 2: 14 - 30 September 2015	Pejabat Pertanian Daerah Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah
Siri 3: 14 - 30 September 2015	Pejabat Veterinar Daerah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
Siri 4: 14 - 30 September 2015	Perpustakaan Awam Cawangan

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**4.2.2.** Selain itu, pelaksanaan audit silang juga telah dijalankan sepanjang tahun 2015 yang meliputi semakan terhadap elemen dalam pengurusan kewangan seperti Fail Meja, Manual Prosedur Kerja, Terimaan, Perbelanjaan, Pengurusan Kontrak, Aset Alih Kerajaan dan Kenderaan. Audit silang pengurusan kewangan ini melibatkan 35 Jabatan/Agensi bertujuan bagi memastikan semua peraturan kewangan di Jabatan/Agensi dipatuhi. Pencapaian bagi pelaksanaan audit silang pengurusan kewangan tersebut telah dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri.

**4.2.3.** Pada tahun 2015, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan kursus dan bengkel kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Kursus Dan Bengkel Berkaitan Pengurusan Kewangan Tahun 2015**

Tarikh	Nama Kursus	Bilangan Peserta
30.1.2015 hingga 1.2.2015	Kursus Perbelanjaan Dan Pembayaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUKNS)	51
12.2.2015	Kursus Gaji, Elaun Dan Kemudahan Penjawat Awam	207
10.4.2015 hingga 12.4.2015	Kursus Perolehan PSUKNS	30
12.6.2015	Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan	68
13.6.2015	Kursus Pengurusan Kenderaan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan	34
21.9.2015 hingga 22.9.2015	Bengkel Pengurusan Aset Alih Dan Stor PSUKNS	36

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**4.2.4.** Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri telah bermesyuarat pada setiap 3 bulan bagi memastikan setiap Jabatan/Agensi yang mendapat teguran Audit mengenai pengurusan kewangan mengambil tindakan pembetulan dengan segera dan melaporkan tindakan yang telah diambil kepada Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri. Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri telah bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2015 seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri Tahun 2015**

Bil. Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
Bilangan 1	10 Mac 2015
Bilangan 2	2 Jun 2015
Bilangan 3	1 September 2015
Bilangan 4	3 November 2015

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**4.2.5.** Sepanjang tahun 2015, Pasukan Penyelaras *Blue Ocean Strategy (BOS)* telah merangka dan melaksanakan beberapa pelan tindakan bagi memastikan matlamat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan terhadap pengurusan kewangan dapat dicapai. Antara matlamat tersebut ialah untuk mencapai penarafan 5 bintang, mengekalkan kecemerlangan pengurusan kewangan dan memastikan sifar teguran Audit berulang.

**4.2.6.** Berdasarkan matlamat tersebut, Pasukan Penyelaras *BOS* telah mengadakan taklimat, naziran serta pelaksanaan audit silang yang melibatkan semua Jabatan Negeri dan Agensi di Negeri Sembilan. Hasil daripada pelaksanaan naziran dan audit silang tersebut dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri.

**4.2.7.** Berikut merupakan senarai kursus/bengkel/taklimat yang telah dilaksanakan oleh Pasukan Penyelaras *BOS* bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**  
**Kursus/Bengkel/Taklimat Berkaitan Pengurusan Kewangan**  
**Yang Dilaksanakan Oleh Pasukan *BOS* Tahun 2015**

Tarikh	Nama Kursus	Pasukan Penyelaras
11.2.2015 hingga 12.2.2015	Bengkel Pemantapan Pengemaskinian Manual Prosedur Kerja Dan Fail Meja	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri
26.2.2015	Bengkel Pengurusan Kontrak	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri
1.4.2015	Kursus Pengauditan Pengurusan Kenderaan	Jabatan Kerja Raya Negeri
1.4.2015	Taklimat Audit Silang Kawalan Terimaan Dan Perbelanjaan	Pejabat Perbendaharaan Negeri
13.5.2015	Taklimat Audit Silang Pengurusan Aset Dan Stor	Pejabat Kewangan Negeri dan Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
15.6.2015 hingga 16.6.2015	Bengkel Tatacara Penulisan Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

### **4.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI)**

**4.3.1.** Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah

Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

**4.3.2.** Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 4.5** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.5**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Jadual 4.6**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89.9	Baik	
50 – 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **4.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Secara umumnya, pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada:

**4.4.1.** Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

**4.4.2.** Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap elemen pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, amanah dan deposit, aset dan stor, kenderaan, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan.

**4.4.3.** Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

**4.4.4.** Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **4.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pada tahun 2015, pengauditan telah dijalankan di 11 Jabatan/Agensi Negeri terdiri daripada 7 Jabatan dan 4 Agensi Negeri. Semua Jabatan/Agensi Negeri tersebut dipilih berdasarkan pusingan 3 tahun kecuali Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang wajib diaudit setiap tahun. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan kedudukan prestasi kewangan 4 Agensi Negeri yang terlibat secara menyeluruh.

#### **4.6. KAWALAN UTAMA**

Pelaksanaan sistem penarafan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi 7 Jabatan adalah berasaskan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Prestasi 4 Agensi Negeri pula dinilai berdasarkan 8 kawalan juga iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan tersebut adalah seperti berikut:

##### **4.6.1. Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan

iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **4.6.1.1. Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepetimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemas kini.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan Pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

#### **4.6.1.2. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Proses Kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Senarai Tugas disediakan dan sentiasa dikemas kini. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan Dalaman (seperti yang ditetapkan di bawah AP 308) dijalankan dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan, bagi memastikan prosedur yang

betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.

- d. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

#### **4.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanannya jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

##### **a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Tadbir Urus Kewangan (PS) 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

##### **b. Unit Audit Dalam**

Mengikut 1PP - PS 3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif dan Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil

terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

### c. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

#### 4.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

##### 4.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan di Negeri Sembilan dikeluarkan melalui Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Bil.1 Tahun 2014 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Belanjawan Tahun 2015). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lain, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

##### 4.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan antara lain menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula pemegang waran peruntukan boleh yang mana perlu, menyerahkan sebahagian daripada peruntukan di bawah kawalannya kepada pegawai lain dengan mengeluarkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai tersebut. Pengagihan peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **4.6.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahan yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan. Mengikut Surat Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Bil. 1 Tahun 2015 (Garis Panduan Perbelanjaan Mengurus/Pembangunan 2015), permohonan pindah peruntukan bagi perbelanjaan mengurus p hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 30 November 2015 manakala bagi perbelanjaan pembangunan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2015. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **4.6.2.4. Analisis Bajet**

Jabatan/Agenzi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP 18(i), 1PP – Pengurusan Belanjawan (PB) 2.5 dan 1PP - PB 2.6 adalah berkaitan.

### **4.6.3. Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

#### **4.6.3.1. Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

#### **4.6.3.2. Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan perbankan Internet serta pengeluaran resit dan perekodannya dalam Buku Tunai.

#### **4.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

#### **4.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

#### **4.6.3.5. Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP – Pengurusan Wang Awam (WP) 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

### **4.6.4. Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama pengurusan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, rundingan terus dan kontrak.

#### **4.6.4.1. Perancangan Perolehan**

Mengikut 1PP – Perolehan Kerajaan (PK) 2.1 menetapkan Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

#### **4.6.4.2. Kaedah Perolehan**

Mengikut 1PP - PK 2.1 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, perolehan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan perolehan melebihi RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

### **4.6.5. Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

#### **4.6.5.1. Perakaunan**

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

#### **4.6.5.2. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit dijalankan terhadap pengurusan bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

#### **4.6.6. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

##### **4.6.6.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP - WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian.

##### **4.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri mengikut pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP - WP 9.2 dan 1PP - WP 9.3.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP - WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP - WP 3.2.

##### **4.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

#### **4.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor**

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

#### **4.6.7.1. Kawalan Umum**

Mengikut 1PP – Pengurusan Aset (AM) 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

#### **4.6.7.2. Penerimaan**

Mengikut 1PP - AM 2.2 dan 1PP - AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

#### **4.6.7.3. Pendaftaran**

Mengikut 1PP - AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran. 1PP - AM 6.3 pula menetapkan terimaan stok direkodkan ke Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4).

#### **4.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset/Stok**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi.

- a. Mengikut 1PP- AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.

- b. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai penggunaan ruang yang optimum.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa Aset dan 2 orang Pemverifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP - AM 2.4 dan 1PP - AM 6.6 adalah berkaitan.

#### **4.6.7.5. Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP - AM 2.5 adalah berkaitan.

#### **4.6.7.6. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP - AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrikal/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

#### **4.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP - AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Negeri, Ketua Audit Negara dan/atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperoleh.

#### **4.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan**

Bagi memastikan kenderaan Kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP - WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

**4.6.8.1.** Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api bulanan.

**4.6.8.2.** Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata Pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan.

**4.6.8.3.** Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakananya. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad.

**4.6.8.4.** Kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

#### **4.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman**

**4.6.9.1.** Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan dan pemantauan pelaburan.

**4.6.9.2.** Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

#### **4.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan**

Kerajaan Negeri Sembilan telah mengarahkan Agensi Negeri untuk mengemukakan Penyata Kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 31 Mac tahun kewangan berikutnya.. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Arahan ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Pejabat Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, Penyata Kewangan yang dibentang awal adalah lebih telus dan relevan bagi stakeholders untuk menilai pencapaian Kerajaan Negeri/Agensi Negeri. Sementara itu, kecekapan dan tadbir urus yang baik terhadap pengurusan kewangan Agensi Kerajaan Negeri dapat diukur berdasarkan kepada jenis Laporan Ketua Audit Negara yang diterima setiap tahun iaitu Laporan Tanpa Teguran, Berteguran, Bertentangan dan Penafian.

### **4.7. PENEMUAN AUDIT**


#### **4.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**

**4.7.1.1.** Pada tahun 2015, pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti telah dilaksanakan di 11 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil pengauditan tersebut, masing-masing sebanyak 8 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap cemerlang dan 3 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap baik dengan markah keseluruhan antara

82.2% hingga 97.2%. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah bertambah baik berbanding dengan tahun 2014 disebabkan peningkatan bilangan Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat markah lebih daripada 90% berbanding 5 daripada 10 Jabatan/Agensi pada tahun 2014 manakala peratus pencapaian tertinggi meningkat kepada 97.2% pada tahun 2015 berbanding 96.7% pada tahun 2014. Prestasi Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap cemerlang menunjukkan peningkatan sebanyak 22.7% kepada 72.7% pada tahun 2015 berbanding 50% pada tahun 2014.

**4.7.1.2.** Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa telah memperoleh markah keseluruhan sebanyak 97.2% dan merupakan yang tertinggi daripada 11 Jabatan/Agensi Negeri. Lembaga Muzium pula telah memperoleh peratus prestasi terendah iaitu sebanyak 82.2% kerana wujud beberapa kelemahan dalam Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan, Perbelanjaan dan Pengurusan Aset Dan Stor. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 4.1**.

**Carta 4.1**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**  
**Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015**




Sumber: Jabatan Audit Negara

## 4.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

### 4.7.2.1. Jabatan Negeri

- a. Pada tahun 2015, sebanyak 7 Jabatan yang diaudit iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semakan Audit di peringkat Jabatan merangkumi 8 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Terimaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan.
- b. Hasil semakan terhadap Kawalan Pengurusan di 7 Jabatan tersebut mendapat masing-masing sebanyak 5 Jabatan telah mencapai tahap cemerlang dan 2 Jabatan mencapai tahap baik. Bagi Kawalan Bajet, Kawalan Aset Dan Stor dan Pengurusan Kenderaan, sebanyak 7 Jabatan telah mencapai tahap cemerlang. Bagi Kawalan Terimaan sebanyak 6 Jabatan telah memperoleh tahap cemerlang dan satu Jabatan mencapai tahap baik. Kawalan Perbelanjaan pula, sebanyak 5 Jabatan telah mencapai tahap cemerlang dan 2 Jabatan mencapai tahap baik. Manakala bagi Pengurusan Perolehan, sebanyak 2 Jabatan telah memperoleh tahap cemerlang, masing-masing satu Jabatan berada di tahap baik dan memuaskan serta 3 Jabatan berada pada tahap kurang memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 4.2**.

**Carta 4.2**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut 8 Kawalan Utama**  
**Bagi 7 Jabatan Pada Tahun 2015**




Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Antara kelemahan Jabatan yang mendapat tahap kurang memuaskan antaranya ialah pembelian terus tidak mendapat sekurang-kurangnya 3 tawaran harga daripada pembekal, pembelian melebihi RM20,000 tidak dibuat secara sebut harga, proses am sebut harga tidak dibuat dengan teratur, tiada bukti minit mesyuarat Rundingan Terus yang disediakan ditandatangani oleh wakil syarikat, kontrak tidak didaftarkan dan diselenggarakan dengan lengkap, kontrak lewat ditandatangani serta klausa pencegahan rasuah tidak dimasukkan dalam kontrak. Bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, sebanyak 6 Jabatan telah memperoleh tahap cemerlang dan satu Jabatan tidak memuaskan. Antara kelemahan Jabatan yang mendapat tahap tidak memuaskan antaranya ialah deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dan sudah tidak diperlukan lewat diwartakan dan penyata mengenai Pendahuluan Diri tidak dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri setiap 6 bulan.

#### **4.7.2.2. Agensi Negeri**

- a. Pada tahun 2015 sebanyak 4 Agensi Negeri telah diaudit iaitu, Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson, Majlis Daerah Rembau dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Semakan Audit di peringkat Agensi Negeri merangkumi 8 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.
- b. Hasil semakan terhadap Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan dan Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman mendapat kesemua 4 Agensi Negeri telah mencapai tahap cemerlang. Bagi Kawalan Bajet, sebanyak 3 Agensi Negeri telah memperoleh tahap cemerlang dan satu Agensi Negeri berada pada tahap memuaskan. Bagi Kawalan Perbelanjaan pula, masing-masing sebanyak 2 Agensi Negeri berada pada tahap baik dan tahap memuaskan. Manakala bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, satu Agensi Negeri telah mencapai tahap cemerlang dan sebanyak 3 Agensi Negeri berada pada tahap memuaskan. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor, sebanyak 3 Agensi Negeri telah memperoleh tahap cemerlang dan satu Agensi Negeri mendapat tahap baik. Sementara bagi Pengurusan Penyata Kewangan, sebanyak 3 Agensi Negeri adalah pada tahap cemerlang manakala satu Agensi Negeri pada tahap tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 4.3**.

**Carta 4.3**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut 8 Kawalan Utama**  
**Bagi 4 Agensi Negeri Pada Tahun 2015**



Sumber: Jabatan Audit Negara


- c. Antara kelemahan Agensi Negeri yang mendapat tahap tidak memuaskan bagi Pengurusan Penyata Kewangan ialah Penyata Kewangan Agensi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 telah lewat dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara untuk tujuan pgaudit dan Penyata Kewangan 2014 Agensi tersebut tidak dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

#### 4.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

**4.7.3.1.** Analisis Audit terhadap Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pgaudit sekurang-kurangnya 2 tahun sekali mendapat prestasi pengurusan kewangan telah bertambah baik bagi Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 berbanding prestasi tahun sebelumnya. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa telah mencapai tahap yang cemerlang berbanding tahap baik pada tahun 2012 dengan markah tertinggi pada tahun 2015 iaitu meningkat sebanyak 9.4%. Jabatan Kehakiman Syariah dan Majlis Daerah Rembau berada pada tahap cemerlang dengan peningkatan masing-masing sebanyak 4.4% dan 1.2% berbanding tahun sebelumnya. Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Port Dickson, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mencapai tahap cemerlang berbanding tahap baik pada tahun sebelumnya dengan peningkatan masing-masing sebanyak 3.4%, 2%, 1.1% dan 2.8%. Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan masih kekal pada tahap baik dengan peningkatan masing-masing sebanyak 1.9%, 0.04% dan 10.1% berbanding tahun sebelumnya.

**4.7.3.2.** Analisis Audit juga mendapati 3 Jabatan/Agensi iaitu Jabatan Kehakiman Syariah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Rembau telah berjaya mengekalkan prestasi dan berada pada tahap cemerlang pada tahun 2015 berbanding tahun pengauditan sebelumnya. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit sekurang-kurangnya 2 tahun sekali adalah seperti di **Carta 4.4**.

**Carta 4.4**  
**Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**  
**Tahun 2015 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya**



Sumber: Jabatan Audit Negara

## 4.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

**4.8.1.** Pemeriksaan Audit Mengejut merupakan satu pendekatan audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agensi Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan termasuk juga lawatan dan tinjauan secara mengejut terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/ Agensi.

**4.8.2.** Pemeriksaan Audit Mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam

pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya. Pada tahun 2015, Pemeriksaan Audit Mengejut telah dilaksanakan terhadap 10 Jabatan/Pejabat/Agensi.

#### **4.8.3. Penemuan Audit**

**4.8.3.1.** Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut yang telah dijalankan, secara keseluruhannya mendapati 5 Jabatan/Pejabat/Agensi iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Port Dickson, Pusat Pengumpulan Susu Seremban, Perbadanan Perpustakaan Awam Cawangan Rembau, Perbadanan Perpustakaan Awam Cawangan Gemas dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Rembau telah mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa manakala 5 Jabatan/Pejabat/Agensi lain masih tidak mematuhi semua peraturan seperti di **Jadual 4.7** Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

**Jadual 4.7**  
**Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2015**

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
1	Perbadanan Perpustakaan Awam Cawangan Port Dickson	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Terdapat kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera [AP72].</li> <li>ii. Kutipan yang tidak sempat dimasukkan ke dalam bank, tidak disimpan dalam peti besi/bilik kebal/balai polis [AP126].</li> <li>iii. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal [AP126(a)].</li> <li>iv. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut [AP 309(b)].</li> </ul>
2	Pejabat Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jempol	Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggarakan peti besi/bilik kebal tidak disediakan.[AP125].
3	Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas	Buku Vot/ Buku Vot Elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia [AP95(e)].
4	Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Timur, Kuala Pilah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggarakan peti besi/bilik kebal tidak disediakan [AP125].</li> <li>ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP 309(a)].</li> </ul>
5	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Pilah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada bukti semakan telah dibuat oleh Ketua Pejabat terhadap semua terimaan dan pengeluaran setem pos/mesin <i>franking</i>.</li> <li>ii. Buku vot/ Buku Vot Elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia [AP95(e)].</li> </ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **4.9. SYOR AUDIT**

Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan dan pemeriksaan mengejut, adalah disyorkan supaya Jabatan/Pejabat/Agenzi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 4.9.1.** Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.
- 4.9.2.** Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, maka Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sewajarnya mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.
- 4.9.3.** Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.
- 4.9.4.** Tindakan surcaj/tata tertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil dan membuat bayaran yang tidak teratur.





---

## PENUTUP

---



---

# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam Pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**18 Mac 2016**







---

**[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA